



# Kandungan



**4** Tengku Mahkota Pahang rasmi Empower ECER Kuala Pahang



**6** Tun Mahathir terima 'Jazah Kehormat Doktor, Kejuruteraan Automotif



**8** Bendera UMP berkibar di puncak Kinabalu

	Sidang Editorial & Dari Meja Ketua Editor	<b>03</b>
<b>10</b>	KSU KPT terbuka puasa dan bersahur bersama warga UMP	
	Affin Islamic Bank sumbang RM100 ribu dana endowmen	<b>11</b>
<b>12</b>	UMP, PKNP jalin kerjasama dalam merencanakan industri tenunan Pahang	
	UMP dan Politeknik LP3I Indonesia jalin kerjasama strategik	<b>13</b>
<b>14</b>	UMP-UTY kongsi amalan terbaik dalam bidang penyelidikan dan paten	
	UMP terima kunjungan delegasi dari SCUN	<b>15</b>
<b>16</b>	UMP pengendali program kolaborasi perkongsian pintar Kolej Komuniti	
	UMP jalin kerjasama dengan PSMZA	<b>17</b>
<b>18</b>	Penyelidik cipta nama di INPEX Amerika Syarikat	
	Persidangan ICG Tech memanfaatkan kerjasama dua hala UMP dan University of Tuzla	<b>19</b>
<b>20</b>	31 pingat diraih penyelidik dalam ITEX 2012	
	Profesor Datin Nasly terkenal rumah mampu milik menggunakan Sistem Industri CCA	<b>21</b>
<b>22</b>	FIST anjur persidangan ICONT bincang teknologi nano	
	Pemantapan pengurusan akademik melalui pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS)	<b>23</b>
<b>24</b>	CERRM, JPS anjur seminar bincang kepentingan pengurusan air	
	2 pelajar NIU pelajari komunikasi autentik dalam BMFIS	<b>25</b>
<b>26</b>	UMP menang pingat emas da anugerah khas dalam EUROINVENT 2012	
	1,364 pelajar terima wang pendahuluan PTPTN masuk ke IPT	<b>27</b>
<b>28</b>	Seminar DSSCM II pupuk kesedaran keselamatan budaya kerja selamat	
	TNC (A&A) terima tauliah Penolong Pesuruhjaya Kehormat JPAM	<b>29</b>
<b>30</b>	40 peserta Ekspedisi UMP dekati masyarakat Sabah	

	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan tawar 300 peluang pekerjaan	<b>31</b>
<b>32</b>	35 sukarelawan FKKSJA timba pengalaman jayakan Persidangan Gas Sedunia 2012	
	UMP kibar Jalur Gemilang semarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-55	<b>33</b>
<b>34</b>	Klik-Klik Lensa	
	Klik-Klik Lensa	<b>35</b>
<b>36</b>	UMP serah sumbangan buat asnaf Kuala Pahang	
	Iftar bersama media jalin hubungan erat UMP-Media Kuantan	<b>37</b>
<b>38</b>	Jengking juarai Shell Eco-Marathon Asia 2012	
	130 peserta hadir Seminar Bijak Mengurus Wang	<b>39</b>
<b>40</b>	97 pelajar IT terpilih sertai Program Infosys 'Campus Connect'	
	450 pelajar IPT sertai Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012	<b>41</b>
<b>42</b>	66 anggota sertai Kursus Asas Perajurit Muda	
	80 staf diberi pendedahan tentang Kempen Kenali Ubat Anda	<b>43</b>
<b>44</b>	187 calon UPSR Daerah Jempol terima manfaat Projek Kilauan Mutiara	
	Pelajar sekolah berkayuh ke UMP sambut kemerdekaan	<b>45</b>
<b>46</b>	Pelantikan Ahli LPU baharu	
	Pelantikan baharu/penyambungan jawatan giliran	<b>47</b>
<b>48</b>	Artikel/Rencana Pilihan	
	Artikel/Rencana Pilihan	<b>51</b>
<b>52</b>	Terbitan Terkini	
	Terbitan Terkini	<b>53</b>

## PENAUANG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim  
daing@ump.edu.my

## KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie  
arahman@ump.edu.my

## EDITOR

Safriza Baharuddin  
safriza@ump.edu.my

## WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhily Mohd Rais  
hilymy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit  
mimirabita@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani  
sitaishah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip  
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal  
haz@ump.edu.my

Muhamad Faisal Mohd Yasin  
faisally@ump.edu.my

Raihana Sulaiman  
raihana@ump.edu.my

Nor Azazi Mamat  
azazi@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris  
salwana@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman  
rozmillah@ump.edu.my



## PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah  
azmann@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid  
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah  
mohdzulkifly@ump.edu.my

## JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil  
khairul@ump.edu.my

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
lin@ump.edu.my

## PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman  
mahdi@ump.edu.my

Buletin CREATE diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

## EDITOR

Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang, Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-549 3184  
Faks: 09-549 3199  
e-Mel: safriza@ump.edu.my



## Dari Meja Ketua Editor

Abd Rahman Haji Safie

## UMP Sedekad: Menyusuri Kegemilangannya

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 UMP.

Keterujaan meraikan sedekad Universiti Malaysia Pahang (UMP) di awal tahun ini bukanlah untuk mencanang kedewasaan dan kejayaan yang diraih oleh UMP semata-mata tetapi ianya memberi lebih pengertian jika diteliti secara batinnya. Zahirnya UMP memang sudah menempa nama di peringkat antarabangsa dan berada dalam lingkungan kejayaannya yang tersendiri.

Namun kejayaan yang dilakar saban tahun ini bukanlah sesuatu yang menjadi kebiasaan dan membawa sifat kealpaan buat warga UMP. Malah secara batinnya, ia menjadi pencetus semangat buat warga UMP untuk melangkah lebih jauh dan ianya menjadi kayu pengukur supaya sedekad yang akan datang menjanjikan kejayaan yang berlipat kali ganda daripada apa yang dimiliki pada hari ini. Memahami matlamat ini, kami di Sidang Editorial Create juga tidak ketinggalan untuk melipat gandakan usaha kami supaya naskah bercetak ini terus memainkan peranannya dan tidak diletan zaman walau sedekad yang akan datang untuk melakarkan kejayaan yang dikecapi oleh UMP tercinta ini.

Maka, untuk kali ini juga, rutin tugas medium ini akan terus berkongsi rentetan kejayaan UMP yang tidak pernah berhenti melakarkan sejarah kegemilangannya. Terlebih dahulu kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenaan merasmikan Empower ECER Mahkota Kuala Pahang yang merupakan program pembangunan modal insan yang melibatkan masyarakat khususnya di Kuala Pahang, Pekan. Malah, ia amat bermakna sekali apabila program yang melibatkan UMP ini dicetuskan sendiri oleh Tengku Abdullah untuk melihat kejayaan pencapaian akademik pelajar sekolah dan meningkatkan kemahiran di kalangan masyarakat belia di Kuala Pahang.

Jutaan tahniah juga dirakamkan buat penerima Ijazah Kehormat yang ke-3 iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia Keempat, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif di dalam Majlis Konvokesyen Khas yang telah disempurnakan oleh Canselor UMP. Menyedari hakikat kepentingan bidang automotif ini yang juga merupakan salah satu bidang pembelajaran yang amat dititiberatkan di UMP, maka penganugerahan ini amat bersesuaian sekali diberikan kepada pencetus pembangunan industri automotif negara ini bagi menghargai sumbangan dan usaha yang telah dilakukan sepanjang pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Selain itu, tahniah juga diucapkan buat Yang Hormat Dato' Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib dan Tuan Haji Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff atas lantikan sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baharu. Kami di Sidang Editorial Create dan warga UMP mengalu-alukan kedatangan kedua-ke dua ahli lembaga pengarah ini untuk menjadi sebahagian daripada warga UMP dan semoga dengan perantukan ahli yang baharu ini, akan merencanakan lagi pembangunan dan kejayaan entiti yang kami sayangi ini.

Seterusnya, wadah ini akan berkongsi pula setiap detik kejayaan yang dilakar sepanjang pertengahan tahun ini yang secara tidak langsung membuktikan UMP tidak pernah alpa dengan kejayaan selama sedekad ini, malah UMP terus gah mencipta nama di peringkat yang lebih tinggi. Bermula dengan lakaran sejarah baharu apabila bendera UMP berkibar di puncak Gunung Kinabalu. Ia lebih manis apabila detik bersejarah tersebut dirasai sendiri oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim bersama-sama dengan warga UMP yang ikut serta bersempena meraikan sambutan ulang tahun UMP yang ke-10.

Kejayaan juga terukir apabila penyelidikan UMP berjaya mencipta nama di dalam Pameran Rekacipta & Produk Baharu atau dikenali sebagai INPEX 2012 yang berlangsung di Monroeville Convention Center, Pittsburgh, Amerika Syarikat yang membawa pulang empat pingat emas. Manakala untuk Pameran Antarabangsa Ciptaan, Inovasi dan Teknologi 2012 (ITEX), UMP berjaya meraih 31 pingat iaitu lima pingat emas, 17 pingat perak dan sembilan gangsa. Tampak lebih manis lagi, para mahasiswa UMP turut hebat dalam bidang penevelidkan apabila berjaya membawa pulang kemenangan dengan meraih tiga pingat emas dan satu perak serta kesemuanya membolot anugerah khas dalam *European Exhibition of Creativity and Innovation 2012* (EUROINVENT) di Romania. Serta kehebatan yang ditunjukkan oleh Kelab SAE-UMP Chapter yang berjaya mengharumkan nama universiti apabila kereta ciptaan mereka yang bergelar Jengking dinobatkan juara bagi kategori Urban Diesel di Shell Eco-Marathon Asia 2012 yang dijalankan di Litar Antarabangsa Sepang.

Kejayaan yang diraih oleh para penyelidik dan mahasiswa merupakan kejayaan yang amat membanggakan universiti. Bak kata pepatah, "mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi" telah dibuktikan UMP mempunyai penyelidik yang berinovasi dan mahir yang mampu melahirkan para mahasiswa yang berintelektual serta berdaya saing seperti mereka.

Sedekad ini bukan sahaja memberi gambaran kepada kejayaan UMP tetapi lebih kepada pemangkin semangat buat warga UMP untuk terus bergerak ke hadapan dan memberi nafas baharu buat UMP supaya sentiasa bersedia dalam menyusuri arus kemodenan dan teknologi yang terkini. Sebelum keraian sedekad UMP melabuhkan tirai pada penghujung tahun ini, diharapkan UMP akan terus menyusuri kejayaan dan kegemilangannya. Ayuh, warga UMP buktikannya!



# Tengku Mahkota Pahang rasmi Empower ECER Mahkota Kuala Pahang

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Hajj ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan merasmikan Empower ECER Mahkota Kuala Pahang yang merupakan program pembangunan modal insan melibatkan masyarakat khususnya di Kuala Pahang, Pekan.

Idea pelaksanaan program ini dicetuskan Tengku Abdullah sendiri untuk melihat kejayaan pencapaian akademik pelajar sekolah dan meningkatkan kemahiran di kalangan masyarakat belia di Kuala Pahang.

Titah baginda, peluang ini harus digunakan sebaiknya dalam mengubah kehidupan keluarga kepada yang lebih baik dan menjadi insan yang lebih berguna kepada keluarga, bangsa dan agama.

"Malah, program ini perlu diperluaskan dan dimanfaatkan ke daerah lain di seluruh negeri Pahang," titah baginda semasa merasmikan program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang di Dataran Pusat Pelajar UMP Pekan pada 18 Julai 2012 yang lalu.

Dalam majlis itu juga, baginda turut menyaksikan pertukaran dokumen di antara UMP yang diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Dato' Jebasingam Issace

John.

Kerjasama yang termeterai ini melibatkan pelaksanaan empat program pembangunan modal insan melibatkan program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang; Sinar ECER untuk anak-anak Agropolitan Pekan; latihan motivasi untuk peserta Agropolitan di Runchang, Lepar dan Tanjung Batu serta latihan membaiki enjin dan penyelenggaraan kenderaan bermotor untuk belia di Agropolitan Pekan.

Dato' Dr. Daing berkata, pelaksanaan inisiatif Empower ECER Mahkota Kuala Pahang itu ianya lahir atas kesedaran bahawa UMP perlu menempatkan kewujudannya di atas peta pembangunan sosioekonomi setempat bagi merealisasikan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Katanya, inisiatif ini akan dilaksanakan di bawah Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC).

"Malah, dalam hubungan ini, komitmen CENFED dan Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) berjaya merealisasikan permuafakatan strategik antara UMP dan ECERDC.

Majlis turut menyaksikan pengurniaan watak pelantikan kepada seramai tujuh orang individu yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Mereka adalah Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Shahbandar,

Hajah Umikalsom Abd. Azi, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Rahayu Shaharuddin dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Lepar, Abd. Razak Jaafar.

Lain-lain adalah Guru Besar Sekolah Kebangsaan Runchang, Ismail Md.Yassin, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar, Zaiton Awang, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Serandu, Mohd. Sufian Mohd. Ali dan Pengurus Projek Pembangunan Sosial ECER-UMP, Zainal Bahari.

Manakala, dua peserta kursus iaitu, Zaini Jusoh menerima surat tawaran penyertaan Kursus Latihan Masakan 1 Malaysia dan Amran Zakaria bagi Kursus Latihan Membaiki Telefon Bimbit. Mereka mewakili 50 peserta yang terdiri daripada suri rumah, ibu tunggal dan belia yang dipilih menyertai latihan kemahiran secara percuma selama enam bulan.

Dalam majlis yang sama, Tengku Abdullah turut berangkat beramah mesra dengan pelajar sekolah sekitar Kuala Pahang dalam sesi membaca buku cerita dan menyaksikan pameran melibatkan aktiviti berkaitan ECER, automotif dan beberapa agensi kerajaan.

Hadir sama dalam majlis, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd. Hilmey Mohd Taib dan Pegawai Daerah Pekan, Dato' Mohd Fadzli Mohd Kenali dan pegawai-pegawai kanan universiti.



Titah baginda, peluang ini harus digunakan sebaiknya dalam mengubah kehidupan keluarga kepada yang lebih baik dan menjadi insan yang lebih berguna kepada keluarga, bangsa dan agama.



# Tun Mahathir terima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif kepada mantan Perdana Menteri Malaysia Keempat, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad atas sumbangan dan usaha berterusan beliau dalam membangunkan industri automotif negara.

Majlis disempurnakan Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dalam Majlis Konvokesyen Khas yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang pada 17 Mei 2012 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Haji Mohamad Ali.

Dalam titah ucapannya Tengku Abdullah memaklumkan, Tun Dr. Mahathir telah berjaya memajukan industri automotif nasional dan telah berjaya menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing tinggi di pentas global pada hari ini.

"Selepas 29 tahun, Malaysia berbangga kerana dapat memanfaatkan kepakaran tenaga tempatan bagi memajukan industri automotif nasional dari peringkat reka bentuk hinggalah pembangunan enjin. Malah, pengurniaan Ijazah Kehormat ini akan menginspirasi lebih banyak kejayaan dan

kecemerlangan anak watan Malaysia," titah baginda.

Tengku Abdullah turut menyarankan agar UMP terus memberikan tumpuan strategik dalam memastikan pembangunan universiti ini sentiasa berada pada koordinat yang sepatutnya melalui aktiviti penyelidikan, perundingan, penyebaran ilmu pengetahuan dan pembangunan modal insan yang dapat memberi nilai tambah kepada kemajuan masyarakat setempat.

Tun Mahathir Mohamad semasa menyampaikan ucapannya berkata, UMP berperanan aktif dalam membangunkan kejuruteraan automotif sebagai antara bidang kebitaraan (*niche*) Universiti ini.

"Kerjasama yang telah dijalinkan antara UMP dengan rakan strategik dari negara Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) dalam penawaran ijazah berkembar dalam bidang kejuruteraan automotif mampu mencorakkan industri automotif nasional dengan signifikan dengan penglibatan lebih ramai lagi tenaga pakar tempatan yang berkaliber tinggi," katanya yang menaruh keyakinan yang tinggi bahawa imaginasi kejayaan yang disusuli dengan kesungguhan usaha amat instrumental dalam merealisasikan sesuatu impian.

Tambah Tun, inilah yang dibuktikan melalui pembangunan industri automotif nasional sejak tahun 1983 yang bermula dengan Proton Saga, dan hari ini jenama automotif Malaysia telah dibarisi oleh

pelbagai model dan reka bentuk, hasil keberanian kita mengambil risiko dan mencuba satu ketika dahulu.

Justeru, industri automotif yang dibangunkan ini juga turut berpaksikan kesedaran patriotik bahawa anak watan perlu belajar mempercayai dan menghargai jenama nasional.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, penganugerahan buat Tun Mahathir dalam Majlis Konvokesyen Khas ini lebih bermakna tatkala universiti ini menyambut ulang tahun kesepuluh penubuhannya pada tahun ini.

Keyakinan pihak luar terhadap perkembangan industri automotif Malaysia yang berada di atas landasan yang kukuh pada hari ini turut memudahcara kerjasama UMP dengan universiti terkemuka di negara Jerman untuk mewujudkan kerjasama seperti program dwi-ijazah dalam bidang automotif.

Justeru, sebagai pengiktirafan terhadap komitmen, kepimpinan, sumbangan dan kegigihan yang diperlihatkan Tun dalam menerajui perkembangan industri automotif dan kejuruteraan, penganugerahan ini bertepatan dengan sumbangan yang dilakukan beliau dan wajar untuk UMP mengiktiraf Tun sebagai Bapa Automotif Malaysia.

Dalam majlis yang sama, Tengku Abdullah dan Tun yang diiringi tetamu kehormat yang lain berpeluang menyaksikan pameran automotif dan riwayat hidup Tun Mahathir.



“ Tun Dr. Mahathir telah berjaya memajukan industri automotif nasional dan telah menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing tinggi di pentas global pada hari ini.”

- **Canselor UMP**





# Bendera UMP berkibar di puncak Gunung Kinabalu





Oleh: ANUAR ABD. AZIZ

Sejarah terlakar di puncak tertinggi Asia Tenggara iaitu Gunung Kinabalu apabila bendera Universiti Malaysia Pahang (UMP) dikibar megah oleh 37 peserta ekspedisi Kinabalu 2012 pada subuh 21 Jun 2012 yang lalu.

Ekspedisi pendakian Kinabalu yang diketuai sendiri oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim adalah bersempena meraikan sambutan ulang tahun UMP yang ke-10.

Peserta ekspedisi memulakan pendakian pada 20 Jun jam 8.30 pagi dari Timpohon Gate. Kekuatan fizikal, mental, semangat setiakawan dan berpasukan menjadi pendorong utama misi menawan puncak Kinabalu menjadi kenyataan.

Pendakian dan laluan yang mencabar terpaksa dilalui oleh semua pendaki dengan jarak pendakian sejauh 6 km untuk sampai ke tempat penginapan di Gunting Lagadan (3025m) yang memakan masa antara 6 hingga 8 jam.

Perjalanan yang panjang tidak terlalu dirasakan kerana pendaki dihidangkan dengan panorama alam yang amat mengasyikkan.

Peserta berpeluang berehat, makan malam dan merasai kedinginan suhu pada 10 darjah Celsius. Kesempatan berehat ini digunakan sepenuhnya untuk menyimpan tenaga sebelum meneruskan pendakian menuju ke puncak.

Tepat jam 1.30 pagi, pendaki UMP memulakan langkah meninggalkan Gunting Lagadan untuk menuju ke puncak dengan jarak perjalanan sejauh 2.7 km.

Bergerak dalam kegelapan malam dan kedinginan yang menusuk ketulang (2-4 darjah Celsius) dan ibarat pendakian yang tiada penghujung menjadikan ia perjalanan yang sukar dan sangat mencabar.

Peserta berjaya melewati Sayat-Sayat Hut dan melapor kepada petugas yang mencatat perjalanan pendaki.

Melewati Sayat-Sayat Hut bermakna puncak semakin hampir dan perjalanan semakin mencabar dengan oksigen yang semakin menipis. Semangat yang jitu dan saling membantu antara pendaki telah membawa kepada kejayaan menakluk puncak tertinggi Low Peak (4095m).

Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama, persefahaman, persiapan rapi dan semangat saling bantu membantu antara satu sama lain telah membawa kepada kejayaan tersebut.

"Kejayaan tersebut merupakan simbolik kepada semua warga UMP bahawa dengan tenaga intelektual, fizikal dan keazaman, warga UMP mampu membawa UMP ke mercu kegemilangan," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang menjayakan misi tersebut.

Sementara itu, pelajar tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) UMP, Shahrul Nirwan Shah Mohamed Mokshin berkata, beliau berasa bangga dan berterima kasih kepada UMP kerana terpilih sebagai salah seorang pendaki dan berjaya melaksanakan misi tersebut walaupun mengalami masalah dehidrasi.

Katanya, kesungguhan yang ditunjukkan oleh Naib Canselor, pegawai utama dan urus setia membuatkan beliau dan rakan-rakan yang lain berusaha keras menjayakan misi tersebut.

Terasa betapa megah dan bangganya apabila laungan 'UMP boleh' bergema memenuhi setiap ruang di puncak tertinggi Asia Tenggara itu. Pendaki menggunakan kesempatan yang terhad di Low Peak untuk bergambar kenangan dan menikmati keindahan alam ciptaan Illahi terutamanya

ketika matahari mula menyinar.

Terbayang kepuasan yang tidak terhingga di wajah setiap pendaki walaupun dalam kelesuan, bahawa puncak Kinabalu telah pun ditawan.

**"Kejayaan tersebut merupakan simbolik kepada semua warga UMP bahawa dengan tenaga intelektual, fizikal dan keazaman, warga UMP mampu membawa UMP ke mercu kegemilangan,"**  
**- Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim**





# KSU KPT berbuka puasa dan bersahur bersama warga UMP

Seramai 700 pelajar termasuk di kalangan peserta program Women in Social Enterprise (WISE), pelajar sekolah sekitar Pekan dan warga universiti hadir dalam Majlis Iftar dan Sahur bersama Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia, Datuk Ab. Rahim Md. Noor di Masjid UMP di Gambang pada 28 Julai 2012 yang lalu.

Dalam majlis yang sama, beliau turut menyampaikan sumbangan elaun sebanyak dua ratus ringgit kepada seramai 33 pelajar UMP dan 22 pelajar Politeknik Sultan Ahmad Shah (Polisas) berserta keluarga angkat masing-masing yang terdiri di kalangan sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang terlibat dalam program WISE.

“Program WISE ini melibatkan penyertaan pelajar IPT yang dipadankan dengan sahabat AIM yang dijadikan keluarga angkat bagi memberi latihan dalam meningkatkan kemahiran perniagaan mereka,” katanya di Masjid UMP.

Menurutnya, program ini bakal melahirkan pelajar IPT yang berdaya usaha, berkepimpinan dan berkemahiran.

Malah ianya dapat meningkatkan penyertaan

pelajar bagi mempertingkatkan kualiti hidup dan tahap sosioekonomi masyarakat.

Dijangkakan seramai 800 pelajar IPT, 400 usahawan sahabat, 100 tenaga pengajar dan 20 orang pegawai AIM terlibat dalam menjayakan program WISE yang diperkenalkan sejak April lalu.

Tambahnya, pelajar yang terlibat akan diberi penilaian dan markah oleh penyelia sebagai aktiviti kokurikulum di IPT masing-masing.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim mengharapkan program yang dikendalikan di bawah Pusat Keusahawanan UMP ini dapat memberi nilai tambah kepada pelajar menerusi aktiviti keusahawanan ini.

Malah ujar beliau lagi, program ini akan dapat meningkatkan kerjasama strategik antara IPT dan industri dalam pembangunan komuniti setempat.

Datuk Ab. Rahim turut berpeluang mendekati pelajar universiti dengan bertarawih, moreh dan bersahur bersama lebih 300 pelajar di kafeteria pelajar.





# Affin Islamic Bank sumbang RM100 ribu dana endowmen

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan 100 ribu daripada Affin Islamic Bank untuk dana endowmen yang merupakan instrumen yang signifikan untuk melestarikan pertumbuhan Universiti ini pada masa akan datang.

Majlis menyaksikan sumbangan diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Affin Islamic Bank, Kamarul Ariffin Mohd. Jamil kepada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dewan Bankuet Canseleri pada 7 Jun 2012 yang lalu.

Dato' Dr. Daing berkata, sumbangan endowmen yang diterima daripada pihak Affin Islamic Bank ini merupakan manifestasi keprihatinan sektor swasta dan korporat untuk turut berperanan dalam pertumbuhan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Sejarah juga membuktikan bahawa endowmen merupakan instrumen yang amat signifikan dalam pengembangan ilmu pengetahuan dan pertumbuhan universiti."

Sebagai contohnya, endowmen yang disumbangkan oleh dermawan Andrew Carnegie, seorang ahli perniagaan berbangsa

Scottish-American menyaksikan penubuhan 2,509 buah perpustakaan di seluruh dunia sekitar tahun 1883 hingga 1929 dan sebahagian daripada Perpustakaan Carnegie ini terdapat di pelbagai institusi pengajian dan universiti," katanya.

Beliau turut menekankan penerokaan sumber endowmen merupakan antara inisiatif yang dikenal pasti bagi Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA), iaitu dalam Kelestarian Kewangan dalam pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Katanya, dengan perimeter autonomi universiti, pihak pengurusan universiti ini perlu berusaha keras untuk meneroka sumber-sumber pendapatan dan pembiayaan luar tanpa terlalu mengharapkan sepenuhnya kepada geran kewangan daripada kerajaan.

Justeru, menurut beliau untuk membangunkan UMP dengan lestari, sumber endowmen dan sumbangan persendirian (*private gifts*) adalah kritikal untuk mengekalkan momentum prestasi dan kualiti tinggi serta kos operasinya berbanding universiti terkemuka dunia termasuk Harvard,

yang memiliki endowmen bernilai US\$ 35 bilion, Yale sebanyak US\$ 23 bilion dan Stanford sebanyak US\$ 17 bilion.

Sementara itu, menurut Kamarul Ariffin, pihak Affin Islamic berbangga dengan kerjasama erat kedua-dua pihak ini, pihaknya dapat menyempurnakan tanggungjawab dalam membantu pelajar mewujudkan peluang pendidikan yang cemerlang dan mampu menghasilkan graduan yang berpengetahuan dalam bidang agama dan profesional.

Selain sumbangan zakat, pihaknya juga bercadang untuk memperluas penggunaan wang zakat ini untuk tujuan kontrak amal (*charitable contract*) dan wakaf seperti yang banyak dilaksanakan di negara Islam lain termasuk di Turki dalam membangunkan sektor pendidikan.

Majlis turut dihadiri Ketua Bahagian Zakat dan Pengurusan Promosi Affin Islamic Bank, Puziah Abu Bakar, Pengurus Cawangan Kuantan, Ahmad Fauzi Omar Shukri dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



## UMP, PKNP jalin kerjasama dalam merencanakan industri tenunan Pahang

Dalam merencanakan lagi industri tenunan Pahang di Malaysia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memetri kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) untuk menyumbang kepakaran bersempena perasmian Pusat Kecemerlangan Tenun Pahang Diraja Tunku Azizah di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja Sultan Haji Ahmad Shah, Kampung Soi Kuantan pada 23 Mei 2012 yang lalu.

Majlis MoU itu menyaksikan UMP diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus manakala PKNP diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Haji Lias Mohd. Noor.

Hadir menyaksikan majlis,

Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob dan Pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Pelancongan, Warisan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Pahang, Dato' Shafik Fauzan Sharif.

Semasa menyampaikan ucapan, Dato' Sri Diraja Haji Adnan menyarankan agar penyelidikan perlu dibuat dalam mengenal pasti kaedah dalam memastikan agar industri tenun ini boleh dipasarkan dengan secara besar-besaran, dapat disiapkan dalam tempoh yang pendek serta dapat dijual dengan harga yang lebih murah.

Beliau turut mencadangkan agar mempelbagaikan produk hasil tenunan ini, sebagai contohnya dibuat beg, alas kerusi dan kasut. Selain



menekankan kepentingan jenama, beliau mengharapkan agar hasil ciptaan produk ini perlu segera dipaten untuk keselamatan dan perlindungan harta intelek.

Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus ketika ditemui berkata, kerjasama ini melibatkan sumbangan kepakaran dua penyelidik UMP iaitu Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah bagi mengekalkan warna benang menggunakan bahan biojisim seperti kulit buah naga.

"Seorang lagi melibatkan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) iaitu Profesor Madya Dr. Zularisam Ab. Wahid bagi merawat hasil sisa industri tenun menggunakan mesin membrane bio-reactor (MBR)

bagi memastikan air sisa yang dilepaskan ini selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar," katanya yang turut memaklumkan kerjasama ini turut melibatkan pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Perbadanan Kraftangan Malaysia dan SIRIM Berhad.

Dalam majlis yang sama penyelidik dan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim hadir menerima watakah pelantikan sebagai ahli Majlis Eksekutif Kecemerlangan Tenun Pahang Diraja.

Lebih 500 orang yang hadir turut berpeluang menyaksikan pelancaran Blueprint 2012-2016 dan melawat aktiviti tenunan sekitar kompleks.



# UMP dan Politeknik LP3I Indonesia jalin kerjasama strategik

Dalam usaha menambah nilai hubungan strategik, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan tiga Politeknik LP3I dan sebuah sekolah tinggi melalui ICT Business Centre bagi memaknakan lagi keakraban hubungan Malaysia dan Indonesia sebagai negara tetangga.

Perjanjian membabitkan Politeknik LP3I Jakarta, Politeknik LP3I Bandung, Politeknik LP3I Medan dan STMIK Bina Sarana Global dalam memperlihatkan perkongsian kepakaran dalam pembangunan teknologi maklumat di peringkat antarabangsa itu dilaksanakan pada 18 Jun 2012 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri.

Kerjasama ini dijangka akan dapat melebarkan jaringan kerjasama melibatkan rangkaian Politeknik LP3I dari seluruh Indonesia.

UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala Politeknik LP3I Jakarta diwakili Direktornya, Drs. Jaenuddin Achmad, Politeknik LP3I Bandung Direktor, Ir. Adriza, Direktor Politeknik LP3I Medan, Akhwanul Akhmad dan STMIK Bina Sarana Global diwakili Ketua Dedi Royadi.

Hadir sama Pengarah ICT Business Centre UMP, Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd dan Direktor Program LP3I Group, Rony Setiawan dan pegawai Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat UMP (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob.

Menurut Dr. Daing, kerjasama intra-universiti ini penting dalam konteks penajaran UMP di arena serantau dan antarabangsa.

"Dalam konteks pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015, kerjasama antarabangsa seumpama ini membolehkan UMP meneroka peluang baharu dalam

pelbagai bidang dengan mendekati rakan-rakan kongsi yang berpotensi."

"Dalam hubungan tersebut, maka UMP amatlah berbesar hati dan berbangga kerana dapat memperkukuh jaringan antarabangsanya dengan menerima gabungan Politeknik LP3I Jakarta sebagai rakan kongsi kami yang baharu," katanya semasa menyampaikan ucapan aluan.

Beliau berharap agar MoU ini membuka laluan kerjasama yang lebih luas untuk diterokai bersama pada masa hadapan bagi manfaat kedua-dua belah pihak.

Selain itu, dengan termeterainya persefahaman ini, UMP dan gabungan Politeknik LP3I Jakarta ini akan dapat memperoleh manfaat melalui penyelidikan, latihan staf serta pertukaran pensyarah, mahasiswa dan bahan ilmiah.

Malah, perkongsian pintar ini dapat diperluaskan lagi sekiranya lebih ramai staf akademik dan juga mahasiswa dapat dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti kerjasama yang dirancang nanti.

Katanya, kerjasama ini nanti juga bakal membuka ruang yang lebih lebar bagi mengakomodasi pemahaman dan potensi yang boleh dibangunkan secara bersama secara komplementari.

Sementara itu, Drs. Jaenuddin berkata, program ini melibatkan pertukaran penempatan pelajar yang akan menjalani latihan di UMP, pertukaran staf dan penyelidikan.

Beliau turut berbangga dengan kemudahan prasarana di UMP yang dilengkapi dengan teknologi canggih dan pembangunan produk ICT yang meluas.

Hubungan ini dijangka akan dapat merealisasikan hasrat Politeknik Indonesia dalam menghasilkan tenaga kerja yang profesional dan mahasiswa yang di terima di pasaran kerja.





## UMP- UTY kongsi amalan terbaik dalam bidang penyelidikan dan paten

Dalam merealisasikan hasrat menjadi universiti teknologi bertaraf dunia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus memperkenalkan strategi penjenamaannya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi apabila berkongsi amalan terbaik penyelidikan dan paten dalam Seminar Antarabangsa dan Simposium Kebangsaan "Global Competitiveness through Research Supporting Commercial Industry" anjuran University Technology Yogyakarta (UTY), Yogyakarta pada 23 Jun 2012 yang lalu.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima jemputan daripada pihak UTY dalam menjayakan sidang plenary sempena seminar yang mengumpulkan tokoh akademik dan pakar dari Malaysia dan Indonesia.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti turut memainkan peranan penting dalam menghasilkan inovasi dalam penyelidikan dan paten untuk terus bersaing di peringkat antarabangsa.

"Pertambahan dana pembangunan dan penyelidikan serta kolaborasi antara syarikat dengan institusi penyelidikan awam merupakan antara faktor yang dapat melonjakkan budaya penyelidikan dan inovasi di universiti," katanya semasa membentangkan kertas kerja bertajuk "Global Competitiveness through Research and Patents: Are We Ready?" di Hyatt Regency Hotel Yogyakarta sempena seminar itu.

Dr. Daing Nasir juga turut berkongsi

maklumat mengenai statistik pendaftaran paten bagi tahun 2009 yang mendapati negara Malaysia menduduki tempat ke-30 manakala negara Indonesia menduduki tempat ke-78.

Manakala negara Singapura di tangga ke-22 dengan 594 paten difailkan. Namun, katanya jumlah ini mungkin terdapat sedikit perubahan data bagi tiga tahun kebelakangan ini.

Tambah beliau, universiti turut berperanan dalam menyumbangkan produk penyelidikan yang berinovasi dalam melonjakkan pembangunan dan penyelidikan negara.

Sementara itu, Rektor UTY Bambang Hartadi berkata, penganjuran seminar ini juga membincangkan hasil penyelidikan dan kepentingan paten di universiti dan industri; pembangunan sumber manusia dan kepentingan dunia penyelidikan dalam berdepan cabaran dan persaingan dunia global khususnya dalam bidang berkaitan Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Industri, Pembinaan, Kejuruteraan Awam dan Ekonomi.

Katanya, universiti harus responsif terhadap keperluan masyarakat dan industri yang seterusnya dapat dipaten serta dikomersilkan.

Beliau turut menyarankan agar para penyelidik di Indonesia lebih berusaha dalam menambah jumlah paten dan penerbitan saintifik memandangkan hasil kajian SCIMAGO yang dijalankan pada tahun


2010 mendapati penerbitan saintifik yang dihasilkan di Indonesia hanya berjumlah 2032 berbanding Malaysia yang berjaya menghasilkan 14,407 manakala negara Thailand (9129) dan Singapura (13,913).

Panel lain terdiri daripada Profesor Hasnah Hj. Haron dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang membentangkan kertas kerja mengenai "Research Culture in Malaysia", Dr. Yusniza Kamarulzaman dari Universiti Malaya (UM) bertajuk "Research Supporting Commercial Industry" dan Profesor Dato' Ishak Ismail dari USM yang membentangkan kertas kerja bertajuk, "Human Resources Development Strategy: Winning Global Competitiveness - The Malaysian Experience".

Lain-lain ialah profesor dari Institut Teknologi Surabaya, Profesor Dr. I Nyoman Sutantra; Profesor dari UTY, Profesor Dr. Emita W. Astami; Pengurus Toyota Astra Motor, Tarsimin dan Profesor Dr. Lincoln Arsyad sebagai moderator.

Dalam majlis berlainan, Dato' Dr. Daing turut menyampaikan biasiswa UMP kepada dua bakal siswazah daripada UTY yang akan menyambung pengajian di peringkat kedoktoran dalam bidang komputer pada bulan September ini.

Hadir sama, Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Profesor Datin Dr. Nasly Mohamed Ali, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Profesor Engr. Dr. Ideris Zakaria dan Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain.



## UMP terima kunjungan delegasi dari SCUN

Oleh: NOR ASHKIN SULAIMAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan rasmi delegasi dari South Central University for Nationalities (SCUN), Wuhan pada 10 Julai 2012 yang lalu. SCUN merupakan rakan kerjasama strategik UMP sejak tiga tahun lalu.

Delegasi diketuai mantan Presiden SCUN, Profesor Lei Zhao Hei yang hadir bersama Profesor Cheng Yan Fu dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Profesor Xiong Hairong dari Jabatan Kejuruteraan BioKimia, Profesor Wang Xingqing dari Jabatan Hal Ehwal Pengajaran & Pembelajaran (P&P) dan Sun Xiao Li yang merupakan Koordinator program di Pejabat Antarabangsa, SCUN.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, hubungan baik yang terjalin ini memberi manfaat dan nilai tambah kepada kedua-dua universiti terutamanya dalam program Profesor Pelawat, Program Penempatan Staf Akademik, Sabatikal, *Post-Doctoral* dan Program Pertukaran Pelajar.

"Hasil kerjasama ini juga memberi kesan kepada kelangsungan program berorientasikan pertukaran kebudayaan melibatkan pelajar UMP serta penempatan dua orang staf akademik di SCUN," katanya semasa berucap meraikan kunjungan delegasi SCUN pada 10 Julai 2012 yang lalu.

Hadir sama menyambut kunjungan delegasi adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz.

Dato' Dr. Daing berharap agar hubungan kerjasama yang terjalin ini juga dapat dikembangkan melalui aktiviti perkongsian ilmu dan kepakaran hasil daripada termeterainya memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani sejak dua tahun lalu dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Delegasi turut berpeluang melihat kemudahan fasiliti makmal di UMP dengan melawat Makmal Berpusat UMP dan Makmal Kejuruteraan Kimia.





## UMP jalin kerjasama dengan PSMZA

Oleh: FINNY MOHAMED

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai jalinan kerjasama dengan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) sebagai usaha mengeratkan hubungan strategik yang dibina sejak dua tahun lalu.

Majlis menandatangani MoU telah diadakan pada 20 Mei 2012 yang lalu di PSMZA Dungun, Terengganu.

Kerjasama bakal memperlihatkan kedua-dua pihak berkongsi kepakaran dalam menyediakan graduan yang lengkap dengan ilmu dan mampu bersaing di peringkat global.

Kolaborasi ini juga adalah kesinambungan daripada termeterainya perjanjian persefahaman (MoA) melibatkan Jabatan Pengajian Politeknik dengan jaringan universiti teknikal (MTUN) pada tahun 2009.

Majlis menyaksikan UMP diwakili Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr.

Badrulhisham Abdul Aziz, manakala PSMZA diwakili Pengarah PSMZA, Mejar (K) Zolkarnain Haji Jobshi.

Hadir menyaksikan majlis, Setiausaha Bahagian (Kewangan), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Shahid-Din Mohd Khatib.

Menurut Mejar (K) Zolkarnain, perjanjian ini akan memberi banyak dimensi baharu bersifat situasi menang-menang (win-win situation) yang boleh diteroka secara bersama atas nama perkongsian pintar.

Profesor Dr. Badrulhisham berkata, kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan ini akan memberi peluang kepada tenaga pengajar di PSMZA untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah Sarjana dan Kedoktoran dalam bidang yang mereka ceburi.

Menurut beliau, hasil kerjasama selama ini memperlihatkan bilangan kemasukan pelajar lepasan diploma dari

PSMZA ke universiti ini meningkat pada sesi kemasukan yang lalu berbanding beberapa tahun lalu.

“Malahan menerusi penyelarasan dan pembangunan program artikulasi memberi peluang kepada lepasan PSMZA dipertimbangkan untuk kemasukan ke tahun dua program pengajian di UMP.

Lain-lain aktiviti termasuklah promosi akademik, pemeriksa luar, pengadil pertandingan inovasi, panel pakar dalam pembentukan kurikulum dan sebagainya,” katanya.

Katanya, hubungan kerjasama ini dilihat sebagai satu pelantar dalam membantu negara membekalkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Inisiatif ini akan melahirkan warga negara berpendapatan tinggi selaras dengan aspirasi negara menjelang tahun 2020.





## UMP pengendali program kolaborasi perkongsian pintar Kolej Komuniti

Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan universiti pertama yang dilantik Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi sebagai pengendali program melibatkan Kolej Komuniti dengan syarikat automotif dalam melahirkan tenaga kerja mahir bagi pembangunan ekonomi negara dalam bidang automotif.

Menerusi program di bawah Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED), pelajar yang dilatih UMP mengikut spesifikasi dan keperluan industri ini akan terus ditempatkan di industri terpilih sebagai pekerja mahir dan berpengetahuan (*k-Workers*).

Malah, penglibatan pihak JPKK, UMP dan industri sebagai rakan strategik ini mampu mempertingkatkan jaringan kerjasama dalam pelaksanaan program-program employability di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab. Rahim Md. Noor berkata, kerjasama melibatkan industri, universiti dan institusi latihan ini penting bagi memperkukuh peranan Kolej Komuniti sebagai peneraju komuniti berilmu dan berkemahiran yang dapat menghubungkan pelbagai lapisan rakyat dengan pihak Kerajaan.

“Program ini bakal merealisasikan fasa pemeraksanaan peranan Kolej Komuniti sebagai pemangkin kepada penghasilan tenaga kerja berkemahiran yang berilmu dan berakhlak

yang menepati kehendak industri,” katanya semasa berucap dalam Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU), Penyerahan Surat Tawaran Kerja dan Majlis Berbuka Puasa Bersama Industri di Hotel Equatorial Bangi pada 10gos 2012 yang lalu.

Beliau berkata, pelbagai inisiatif turut dilaksanakan termasuk memperkenalkan kursus secara modular yang memberi fokus kepada latihan dan kemahiran yang tertumpu kepada tempoh pembelajaran yang lebih singkat.

Katanya, dalam memperkayakan sumbangan Kolej Komuniti terhadap komuniti setempat, peranannya diperkasa dengan penglibatan program pemindahan ilmu (*knowledge transfer*) yang dijayakan melibatkan Kolej Komuniti dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam bidang keusahawanan, akuakultur, rekaan dan sebagainya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sebagai sebuah universiti teknikal, UMP perlu membantu kerajaan mengarus perdana dan memperluas akses pendidikan teknikal.

Katanya, di sinilah sinergi UMP bersama Jabatan Pengajian Kolej Komuniti ini dalam mentransformasi tenaga kurang mahir menjadi tenaga separuh mahir atau mahir bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara secara kompetitif.

Tambah beliau, penajajaran inisiatif

strategik ini juga akan membolehkan lepasan aliran TEVT menyambung pula pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi di UMP.

“Jalinan strategik ini telah memberi manfaat kepada lebih 400 orang penuntut Kolej Komuniti yang mengikut Program Kebolehpasaran.

Graduan Kolej Komuniti (Terus ke Pekerjaan) melalui tiga inisiatif yang diperkenalkan iaitu program *Automotive Junior Technician - Skill Professional Enrichment Development Programme* (SPEDP) dan *UMP Youth Certified Technician Programme (Vehicle Mechanical and Electrical Technical) Fasa I dan II*,” katanya yang turut memaklumkan lepasan program ini kini ditawarkan pekerjaan di beberapa industri automotif termasuk syarikat pengedar kenderaan Toyota, Mazda, Suzuki, Chevrolet, Mitsubishi, Perodua, Hyundai dan Honda.

Majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) ini juga menyaksikan UMP dan 24 syarikat di kalangan syarikat automotif; agensi akreditasi antarabangsa, makanan dan perkhidmatan, syarikat kecantikan dan spa, fotografi, teknologi maklumat, pelancongan dan hospitaliti.

Turut diadakan penyerahan surat tawaran kerja daripada industri dan penyerahan sebanyak 10 Automotif Scan Tool kepada pihak JKPP untuk digunakan di Kolej Komuniti terpilih.

# Penyelidik cipta nama di INPEX Amerika Syarikat



Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mencipta nama di persada antarabangsa apabila memenangi empat pingat emas dalam Pameran Rekacipta & Produk Baharu atau dikenali sebagai INPEX 2012 yang berlangsung di Monroeville Convention Center, Pittsburgh, Amerika Syarikat pada 15 Jun 2012 yang lalu.

Dua pingat emas disumbangkan penyelidikan dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang diketuai Dr. Arun Gupta yang mencipta krim anti penuaan daripada bulu ayam berjaya meraih dua pingat emas bagi kategori Kimia dan Produk Rawatan Peribadi.

Penyelidikan bertajuk *'Formulation of Anti Aging Cream With UV Protection From Chicken Feathers'* itu turut dijayakan bersama Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Siti Nur Khairulnisa.

Menurut Dr. Arun, protein

keratin yang diekstrak daripada bulu ayam mengandungi jujukan asid amino yang tinggi dapat membantu merangsang pertumbuhan semula sel kulit baharu.

"Ianya dapat menggalakkan pertumbuhan semula kolagen dan elastik sehingga menyebabkan kedut hilang secara perlahan-lahan.

"Kebanyakan produk krim penuaan dari luar negara dihasilkan menggunakan bulu biri-biri yang diekstrak kerana pengeluaran di sana tinggi peratusannya.

"Berbeza di Malaysia, peratusan penternakan ayam di Malaysia adalah lebih tinggi, maka ianya lebih mudah diperolehi dan harganya pula jauh lebih murah," katanya.

Beliau berkata, beberapa siri uji kaji turut dilakukan dan mendapati krim yang dihasilkan ini selamat digunakan; bebas daripada bahan yang membahayakan pengguna serta tiada kesan sampingan.

Sementara itu, UMP turut menerima satu pingat emas hasil penyelidikan Dr. Jolius Gimbut dari FKKSA menerusi tajuk penyelidikan *'Chemically Treated Limestone Based Catalyst (LBC) for Biodiesel Production'* yang dijalankan dengan penyelidik Chitra Charan Suri, Shahid Ali Wafa Muhammad dan Dr. Said Nurdin.

Pingat emas keempat diraih penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Profesor Madya Dr. Zularisam Abdul Wahid. Penyelidikan bertajuk *'UMP CaO granules: POME for Energy'* turut dibantu penyelidik Abdul Syukur Abd. Razak.

Pameran INPEX adalah pameran terbesar yang dijalankan di Amerika Syarikat dengan kendalian oleh InventHelp dalam mempamerkan pelbagai ciptaan, produk baharu dan inovasi yang menjadi tumpuan pereka, usahawan dan wakil industri dari seluruh negara.



## Persidangan ICG Tech memanfaatkan kerjasama dua hala UMP dan University of Tuzla

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan University of Tuzla buat pertama kalinya mencatat sejarah dengan penganjuran *International Conference on Green Technology & Ecosystems for Global Sustainable Development 2012* (ICGTec2012) dalam usaha menggalakkan inovasi dalam bidang teknologi hijau yang sedang berkembang dewasa ini pada 30 Mei 2012 yang lalu di Bosnia and Herzegovina.

Persidangan ini hasil kerjasama strategik melibatkan Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), UMP dan Fakulti Teknologi, University of Tuzla bagi menyediakan ruang perbincangan, percambahan idea dan perkongsian kepakaran melibatkan penyelidik khususnya dari Malaysia dan Bosnia and Herzegovina.

Pengarah CERRM, Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak merangkap pengerusi persidangan berkata, penganjuran ICGTec2012 berjaya memberi impak secara tidak langsung kepada pembangunan negara Bosnia and Herzegovina yang sedang mengorak langkah dalam usaha mengengahkan teknologi bagi membangunkan negaranya yang terlibat dalam kemelut peperangan sejak 15 tahun lalu.

Selain itu, ianya bakal menjadi medan penggunaan teknologi hijau bagi negara Bosnia and Herzegovina bagi menyediakan kerangka asas membangunkan negara itu.

“Seramai 100 orang peserta daripada lima negara terdiri iaitu New Zealand, Croatia, Iraq, Bosnia and Herzegovina dan Malaysia hadir membincangkan penyelidikan terkini dan inovasi dalam bidang teknologi hijau.” katanya yang memaklumkan seminar turut mendapat penajaan daripada Core Water Treatment Group, University of Seoul.

Dalam masa yang sama, UMP turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan University of Tuzla yang diwakili Timbalan Dekan Fakulti Teknologi, Dr. Tihomila Markovica dan Dr. Sabina-Begic dan Dr. Wan Faizal sendiri mewakili UMP.

Sementara itu, turut diadakan majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama Protokol melibatkan UMP yang diwakili Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd. Yunus; Kementerian Pendidikan dan Sains Persekutuan Bosnia and Herzegovina yang diwakili menterinya, Damir Masic dan Kementerian Pendidikan, Sains, Kebudayaan dan Sukan Tuzla Canton diwakili menterinya, Profesor Dr. Nada

Avdibasic-Vukadinovic.

Kedua-dua bentuk kerjasama ini bakal meningkatkan pembangunan akademik dan kerjasama penyelidikan termasuk permohonan geran penyelidikan, penganjuran program ilmiah, pertukaran modal insan, penerbitan bahan ilmiah dan program pertukaran pelajar.

Malah, melalui perjanjian protokol ini memberi peluang kepada UMP untuk bekerjasama dalam bidang penyelidikan melibatkan penyelidik luar dan tempatan yang melibatkan geran penyelidikan dari negara Bosnia.



# 31 pingat diraih penyelidik dalam ITEX 2012



Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih 31 pingat iaitu lima pingat emas, 17 pingat perak dan sembilan gangsa dalam Pameran Antarabangsa Ciptaan, Inovasi dan Teknologi 2012 (ITEX) yang menyaksikan sebanyak 860 projek penyelidikan dipertandingkan dalam pameran yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 19 Mei 2012 yang lalu.

Pingat emas diraih penyelidikan bertajuk *“Development of Jatropha Oil based Bio-Adhesive for Plywood Application”* oleh Dr D.M. Reddy Prasad daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bersama penyelidik Profesor Madya Dr. Md Maksudur Rahman Khan, Dr. Mohammad Dalour Hossen Beg, Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd Yunus, Dr. Iqbal Ahmed dan Ong Huey Ruey.

Kajian daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) bertajuk *“New Coolants for Enhanced Performance in Automobile Radiators and Manufacturing Process”* oleh Profesor Dr. Korada Viswanatha Sharma juga mendapat pingat emas.

Kejayaan ini hasil usaha sama bersama penyelidik UMP, Dr. Kumaran Kadirgama, Dr. Rizalman Mamat, Profesor Dr. Rosli Abu Bakar, Wan Azmi Wan Hamzah, Dr. DM Reddy Prasad, Dr. Arun Gupta.

Kajian bertajuk *“Heat Regulator System in*

*A Furnace”* oleh penyelidik dari FKM, Ahmad Basirul Subha Alias, Asnul Hadi Ahmad, Dr Mahadzir Ishak @ Muhammad, Ir. Mohd Rashidi Maarof dan Mohd Sazali Salleh turut diumumkan menang pingat emas.

Dua lagi pingat emas dianugerahkan kepada projek penyelidikan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Dr Ahmad Razlan Yusoff, Hazami Che Hussain, Muhamad Hafifi Mansor dengan hasil penyelidikan bertajuk *“Intelligent Milling Tools for High Productivity in Machining Operation”*.

Manakala, Dr. Fathima Shahitha, Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan Dr. Chong Kwok Feng daripada Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) dengan tajuk *“Metal Nanofibers with Unmatched Surface Area for Electronic Application”* turut diumumkan menang pingat emas.

Turut membanggakan sebanyak 17 pingat perak adalah sumbangan hasil penyelidikan dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (1); Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (1); Fakulti Teknologi (2), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (4); FKKSA (3); FKM (2) dan FIST (4).

Antara penyelidikan yang menarik perhatian adalah Angklung Elektronik yang dihasilkan Dekan FKEE, Ir. Zulkeflee Khalidin bersama Nik Mohd. Zaitul Akmal Mustapha dan Wan Norhisham Mohd. Rashid

serta produk yang dihasilkan Abdul Kamil Jamaludin, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Tuan Sidek Tuan Muda dengan penghasilan produk ujian kecerdasan hati, *“Akinah Intervention Kit”*.

Sementara itu, sembilan pingat gangsa disumbangkan penyelidikan daripada penyelidik dari FIST (3); PBMSK (2); FSKKP(1); FKEE(1); FKKSA (1) dan FKASA (1).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa bertemu penyelidik berbangga dengan kejayaan ini dan mengharapkan penemuan baharu dalam penyelidikan yang lebih berinovasi ini dapat memberi manfaat serta menyumbang kepakaran kepada masyarakat dan negara.

**lima pingat emas,  
17 pingat perak  
dan sembilan  
gangsa**



## Profesor Datin Nasly perkenal rumah mampu milik menggunakan Sistem Industri CCA



Syor kerajaan Malaysia terhadap Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam menyelesaikan masalah di tapak pembinaan memberi suntikan idea kepada Profesor Dr. Datin Nasly Mohamed Ali dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) untuk melibatkan diri dalam sistem IBS dengan menjalankan kajian bertajuk *Affordable Housing Using the CCA Industrialized Building System*.

Menurut Profesor Datin Nasly, Sistem IBS merupakan proses pembinaan yang menggunakan teknik, produk, komponen atau sistem pembinaan melibatkan pemasangan komponen binaan di tapak pembinaan.

“Sistem ini menjanjikan kelebihan seperti pengurangan pekerja di tapak, pengurangan pembaziran bahan binaan, pengurangan bahan binaan di tapak, penjagaan alam sekitar dan tapak binaan lebih bersih, kawalan kualiti, tapak pembinaan lebih teratur dan selamat serta tempoh pembinaan lebih singkat.”

“Kajian yang dibuat ini meliputi penyediaan satu sistem dari pembuatan batu blok, reka bentuk dan pembinaan bangunan

dengan mengambil kira mudah dan cepatnya dalam membuat batu blok yang juga tidak mengotorkan persekitaran.”

“Bentuk batu blok ini juga dikaji dari segi berat dan mudah dipasang semasa pembinaan serta menghasilkan bangunan yang kukuh dan mengikut standard tertentu,” katanya semasa menyampaikan Syarahan Umum Profesor di Dewan Astaka UMP Gambang pada 20 September yang lalu. Tampil memperkenalkan pemidato, Dekan FKASA, Profesor Eng. Dr. Ideris Zakaria.

Profesor Datin Nasly berkata, penggunaan *Compressed Concrete and Adobe (CCA)* atau batu bata dari tanah yang menggunakan bahan banchuan konkrit atau tanah dan campuran simen yang dimampat akan menghasilkan blok yang keras.

Katanya, pihak kontraktor dari Teras Maju Dinamik telah membuktikan dengan menggunakan batu blok ini dalam pembinaan rumah termasuk jenis banglo, rumah teres setingkat ataupun dua tingkat. Selain itu, kerja-kerja juga dapat dibina dalam tempoh yang singkat dan menjimatkan kos tanpa memerlukan pekerja mahir.

Malah, pihak CIDB juga mengiktiraf blok ini dan komponen yang sedang dibangunkan mengikut spesifikasi piawaian IBS.

Program perkongsian ilmu ini merupakan salah satu siri Majlis Syarahan Umum Profesor anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa dengan kerjasama FKASA dalam menyalurkan pengetahuan dan kepakaran kepada masyarakat.

Hadir dalam majlis Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Syarahan Umum Universiti dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Lebih 800 peserta di kalangan ahli akademik, pelajar Politeknik Sultan Ahmad Shah (Polisas), MRSM Kuantan, MRSM Pekan, agensi luar termasuk panel industri Murni Makmur Sdn. Bhd. dan Arup Sdn. Bhd. hadir mendengar syarahan dan berpeluang menyaksikan pameran sempena penganjuran majlis berkenaan.

## DINNER & OFFICIATING CEREMONY INTERNATIONAL CONFERENCE ON NANOTECHNOLOGY (ICONT 2012)



“Melalui penjanaan kuasa modal insan, Penyelidikan Saintis Jurutera (RSE) ini dapat menjayakan Pelan Induk Perindustrian (PIP) dan penglibatan UMP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pembangunan nanoteknologi bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).”  
- Dato’ Haji Mohd Sharkar

# FIST anjur persidangan ICONT bincang teknologi nano

Penemuan bahan berstruktur nano yang diaplikasi untuk barangan elektronik, simpanan tenaga, penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar menarik minat di kalangan saintis dan jurutera pada hari ini menjalankan kajian penyelidikan dalam bidang Sains dan Kejuruteraan Nano Bahan.

Justeru, penganjuran Persidangan Antarabangsa Teknologi Nano (ICONT) 2012 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) dengan kerjasama Sirim Berhad dan Kerajaan Negeri Pahang ini tepat pada masanya bagi mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi nano serta berkongsi penemuan terkini dalam bidang ini.

Seramai 149 peserta dari 16 negara hadir melibatkan peserta daripada Malaysia, Indonesia, Singapura, Australia, Jepun, Korea, Amerika Syarikat, India, Pakistan, Arab Saudi, Iran, Sweden, Rusia, United Kingdom, Oman dan Austria.

Majlis penutup persidangan dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, Dato’ Haji Mohd Sharkar Shamsudin pada 30 Mei 2012 yang lalu.

Hadir sama Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Berhad, Dr. Zainal Abidin Yusof, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’

Dr. Rosli Mohd Yunus, Dekan FIST, Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pengerusi Persidangan ICONT 2012, Profesor Dr. Jose Rajan.

Dalam ucapannya, Dato’ Haji Mohd Sharkar berkata, kerjasama strategik ini dilihat sejajar dengan hasrat kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan pelbagai sektor dalam bidang Sains dan Teknologi.

“Melalui penjanaan kuasa modal insan, Penyelidikan Saintis Jurutera (RSE) ini dapat menjayakan Pelan Induk Perindustrian (PIP) dan penglibatan UMP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pembangunan nanoteknologi bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER),” katanya yang juga menghargai kerjasama UMP dalam menjayakan Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi di Negeri Pahang.

Beliau yang berucap merasmikan ICONT 2012 di Hotel MS Garden di Kuantan turut melahirkan rasa bangganya atas usaha UMP yang sama-sama berperanan dalam menghimpunkan pakar dan penyelidik menerusi platform ini yang pastinya mampu mewujudkan satu perspektif baharu dalam membincangkan cabaran terhadap teknologi nano pada masa hadapan.



# Pemantapan pengurusan akademik melalui pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS)

Oleh : FAISAL JUSOH

Selaras dengan perkembangan semasa yang dinamik, UMP sentiasa memperkemaskan sistem pengurusan akademiknya seiring dengan kewujudan inisiatif-inisiatif baharu yang digerakkan di bawah Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) seperti Sistem Penarafan Pengajian Tinggi (SETARA), Outcome Base Education (OBE) dan sebagainya sama ada di peringkat nasional mahupun global.

Justeru, sejajar dengan perkembangan tersebut maka UMP menggerakkan satu inisiatif yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS) yang dibangunkan bagi menfokuskan kepada pemantapan pengurusan hal ehwal akademik dengan melihat keperluan dalam proses pembelajaran & pengajaran, penjaminan kualiti akademik serta inovasi dan amalan terbaik, pengurusan data akademik yang bersepadu dan kelicinan proses pentadbiran akademik. Hasil yang diharapkan kelak akan dapat membantu proses penambahbaikan berterusan, membuat keputusan dengan cepat, tepat dan berkesan dalam usaha memenuhi tuntutan pihak ketiga yang berkepentingan.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa telah menganjurkan bengkel bersama Pentadbir Akademik dan Bukan Akademik yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Program dan Ketua Pusat Tanggungjawab pada 7 Ogos 2012 bertempat di Swiss Garden Resort & Spa, Kuantan, Pahang. Bengkel yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas peserta mengenai cadangan pembangunan sistem AQMS yang sedang dibangunkan di samping turut mendapatkan maklum balas dan respon berkenaan pelaksanaan sistem pendaftaran terbuka (*open registration*) dan semakan semula soalan penilaian pengajaran (E-PAT).

Hasil daripada bengkel tersebut para peserta didedahkan mengenai kepentingan kewujudan AQMS kelak terutama bagi menyokong kepada keperluan peningkatan kualiti akademik, jaminan kualiti dan inovasi akademik. Ia juga dilihat mendokong kepada perancangan strategik universiti di bawah bidang keberhasilan utama (KRA 1) iaitu Peningkatan Kualiti Akademik.

Di akhir sesi, secara amnya inisiatif ini mendapat sambutan baik dan berjaya menarik minat serta sokongan di kalangan peserta dan mereka berharap inisiatif ini dapat meningkatkan lagi imej UMP di persada antarabangsa.





# CERRM, JPS anjur seminar bincang kepentingan pengurusan air

Oleh: MOHD. NORHISHAM ABDULLAH

Pemantauan, penguatkuasaan dan keupayaan sumber manusia merupakan salah satu elemen penting pengurusan sumber air dan ianya memerlukan tenaga manusia yang terlatih dan berpengalaman.

Pengurusan dan pengkalan mutu air yang berkualiti penting dalam kehidupan manusia sama ada dari segi sosial ataupun ekonomi.

Justeru, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), dengan kerjasama Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia (JPS) menganjurkan seminar bertajuk "The Experience Of South Korea In Reviving The Rivers" di Hotel Pan Pacific KLIA pada 16 Julai 2012 yang lalu bagi membincangkan mengenai pengurusan air bersih di Malaysia.

Majlis dirasmikan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia, Dato' Ir Hj. Ahmad Husaini Sulaiman.

Menurut Pengarah CERRM, Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak, seminar bertujuan untuk menyediakan platform bagi semua pihak yang berkepentingan dalam pengurusan air.

"Ianya melibatkan pengendali konsesi air, penyarah, penyelidik, saintis yang berada di dalam dan luar negara berkongsi pengalaman melalui pembentangan hasil kerja daripada penyelidik antarabangsa.

"Peserta dapat berkongsi pengalaman dalam melihat contoh projek pemuliharaan sungai yang dijalankan di luar negara untuk diadaptasi bagi kelestarian sungai-sungai di Malaysia," katanya.

Dalam majlis itu, penyelidik dari University of Seoul (UOS), Korea, Profesor Dr. Hyunook Kim hadir membentangkan kertas kerja bertajuk "Future Water Quality Management Based on ET-IT Fusion Technology."

Seramai 80 orang peserta hadir melibatkan penyertaan pegawai dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Lembaga Urus Air Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.

Lain-lain yang hadir Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).





# 2 pelajar NIU pelajari komunikasi autentik dalam BMFIS

Dua pelajar Northern Illinois University (NIU), Amerika Syarikat iaitu Matthew Ropp, 21 tahun dan Derek Koegel, 22 yang mengikuti jurusan Sains Politik berbangga apabila dapat bertutur bahasa Melayu dengan lebih baik setelah mengikuti program Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa (BMFIS) yang memfokuskan komunikasi autentik dalam tempoh enam minggu di bawah seliaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Menurut Dekan PBMSK, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham, program MBFIS yang merupakan siri kedua sejak diperkenalkan UMP pada tahun lalu menekankan unsur autentik di mana bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran adalah bahan yang sememangnya diguna pakai oleh masyarakat tempatan dalam kehidupan harian.

“Sepanjang sesi pengajaran di kelas, pelajar diajar topik-topik yang khususnya menjurus kepada cara hidup serta budaya masyarakat di Malaysia dan keunikan Malaysia yang mempunyai penduduk dari pelbagai bangsa, agama dan budaya.

“Peserta juga diajar tentang topik-topik yang lebih mencabar minda seperti industri automotif, sejarah pahlawan dan pembentukan Malaysia daripada penjajahan British,” katanya semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar yang tamat program di Dewan

Bankuet Canseleri UMP Gambang pada 6 Julai yang lalu.

Katanya, program ini juga memberi peluang kepada pelajar UMP untuk berkongsi idea dan budaya serta mempromosikan universiti ke peringkat global.

Beliau berharap agar program sebegini dapat diteruskan hasil kerjasama UMP dan pihak NIU pada masa akan datang.

Bagi Matthew, pembelajaran amat menyeronokkan apabila beliau dan rakannya, Derek berpeluang mempelajari adat perkahwinan cara Melayu di Pulau Pinang dan juga melawat rumah kelahiran Dr. Mahathir Mohamad di Kedah.

Beliau yang tinggal bersama keluarga angkat di Felda Lepar juga dapat bergaul dengan masyarakat setempat termasuk menyertai aktiviti kenduri-kendara, majlis keraian dan menjalankan aktiviti ladang.

Manakala bagi Derek pengalaman menjalankan temu bual dengan masyarakat setempat dan bertemu dengan orang ramai mampu meningkatkan tahap komunikasi yang berkesan.

Pembinaan modul dan pencarian bahan untuk program melibatkan Profesor dari NIU, James T. Collins serta tiga orang staf akademik PBMSK iaitu pensyarah Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd. Alwi, Dr Zailin Shah Yusof dan Guru Bahasa, Siti Muslihah Isnain dengan dibantu oleh lima orang fasilitator.

**“Sepanjang sesi pengajaran di kelas, pelajar diajar topik-topik yang khususnya menjurus kepada cara hidup serta budaya masyarakat di Malaysia dan keunikan Malaysia yang mempunyai penduduk dari pelbagai bangsa, agama dan budaya.”**



## UMP menang pingat emas dan anugerah khas dalam EUROINVENT 2012

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjulang nama di peringkat antarabangsa apabila empat mahasiswa UMP berjaya membawa pulang kemenangan dengan meraih tiga pingat emas dan satu perak serta kesemuanya membolot anugerah khas dalam *European Exhibition of Creativity and Innovation 2012 (EUROINVENT)* pada 12 Mei 2012 yang lalu di Romania.

Pertandingan itu disertai lebih 20 negara dengan 280 hasil produk penyelidikan.

Lebih membanggakan, UMP dianugerahkan anugerah khas atas pencapaian yang cemerlang mahasiswa tahun akhir dalam menghasilkan produk penyelidikan yang dipamerkan.

Mereka yang berjaya adalah Muhammad Iqram Zulkifli daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA); Lee Hua Chyn

dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA); Wong Ying Yin daripada Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan Norazura Abdul Halim daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

Pingat emas pertama dinobatkan kepada Muhammad Iqram menerusi projek penyelidikannya bertajuk *Integrated Palm Oil Ash (I-POA): As Filter Media, Treatment For Industrial Wastewater*.

Penyelidikan beliau menghasilkan penapis yang diperbuat daripada hasil bahan buangan pembakaran sawit dalam merawat hasil buangan industri sawit ini berjaya membawa pulang anugerah khas *Korea Invention Association Award*, malah penyelidikannya turut berjaya menarik hati juri apabila dinobatkan pemenang Anugerah Khas Croatia.

Pingat emas kedua milik Lee Hua Chyn menerusi projek *Development of Ultrasonic Assisted Membrane Anaerobic System (UAMAS) for Palm Oil Mill Effluent (POME) Treatment* juga menerima anugerah khas *Asia Invention Creativity Association*.

Penyelidikan yang dijalankan bersama rakannya, Yap Wai Mun dan Chew Bee Tin dapat merawat sisa kilang sawit menggunakan membran (UMAS) berbanding kaedah konvensional yang menggunakan sistem kolam ataupun tangki terbuka di kilang-kilang sawit.

Pingat emas seterusnya dianugerahkan buat Wong Ying Yin yang berjaya menghasilkan projek penyelidikan bertajuk

*Smart Online Electrical Billing Management System using GSM*.

Sistem ini menemui kaedah pintar dalam membantu mendapatkan data penggunaan elektrik melalui GSM tanpa memerlukan pemeriksaan staf untuk mengumpul data dari rumah ke rumah. Hasil kajian ini juga berjaya menerima anugerah khas *Asia Invention Creativity Association*.

Manakala Norazura Abdul Halim pula berjaya memenangi pingat perak dan pingat khas dengan penyelidikannya *Detection and Summation of Pus Cells for Sputum Quality Testing* dalam memperkenalkan proses imej bagi menentukan keputusan pemeriksaan terhadap sel kahak lebih tepat bagi mengenal pasti penyakit yang mengaitkan paru-paru.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, pihak universiti berbangga dengan pencapaian pelajar ini yang berjaya mencipta nama di persada antarabangsa.

"UMP mendasarkan antara lima hingga sepuluh projek pada tahun ini untuk dipertandingkan di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan budaya inovasi dan reka cipta di kalangan mahasiswa tahun akhir," katanya semasa bertemu dengan pemenang baru-baru ini.

Katanya, selain menceburi bidang penyelidikan, mahasiswa UMP juga gigih dalam menyertai program inovasi termasuk penyertaan dalam pertandingan Perodua Eco-Challenge dan sebagainya.



# 1,364 pelajar terima wang pendahuluan PTPTN masuk ke IPT

Seramai 1364 pelajar dari daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Muadzam Shah menerima sumbangan wang pendahuluan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bernilai RM 1500 setiap seorang bagi menampung perbelanjaan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara bagi sesi Mei/ Jun 2012.

Majlis penyerahan waran Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) dirasmikan oleh Ahli Parlimen Maran, Dato' Haji Ismail Hj Abd. Mutalib yang menyampaikan sumbangan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 2,046,000 di Kompleks Sukan UMP pada 20 Mei 2012 yang lalu.

Turut Hadir Ahli Parlimen Paya Besar, Dato' Abdul Manan Ismail dan ADUN Inderapura, Dato' Haji Shafik Fauzan Sharif.

Menurut Dato' Ismail Abd Mutalib, bantuan ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk merealisasikan pembangunan modal insan dan pembelajaran sepanjang hayat seterusnya membantu golongan yang kurang berkemampuan.

"WPP ini diberikan kepada pelajar-pelajar

warganegara Malaysia yang menyatakan persetujuan menerima WPP semasa mengisi borang permohonan *online* kemasukan ke IPT melalui bahagian pengurusan kemasukan pelajar," katanya semasa merasmikan program Serahan Wang Pendahuluan Pelajar anjuran PTPTN dan UMP.

Pengerusi PTPTN, Dato' Haji Ismail Haji Mohamed Said, berkata waran WPP yang diberi ini mempunyai tempoh sah laku selama sebulan daripada tarikh yang dicatatkan pada waran.

"Pelajar-pelajar boleh menunaikan waran ini di mana-mana cawangan bank CIMB dan penunaian WPP hanya boleh dilakukan di kaunter bank dan tidak boleh dimasukkan melalui mesin deposit cek," katanya.

Menurutnya, bagi pelajar yang diluluskan pembiayaan pendidikan oleh PTPTN, WPP yang ditunaikan ini akan ditolak sebanyak RM500 setiap semester semasa pengeluaran pembiayaan dibuat. Manakala, pelajar yang tidak memohon pinjaman pendidikan PTPTN hendaklah membuat penyelesaian penuh secara sekali gus seperti yang ditetapkan.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar

& Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin dalam ucapannya mengharapkan pelajar yang bakal ditempatkan di IPT nanti dapat mengambil manfaat ini dengan berusaha mencapai kejayaan dalam pengajian masing-masing.

Selain itu, pelajar juga dinasihatkan agar berjimat cermat dalam menggunakan duit untuk tujuan yang betul kerana ianya sebahagian daripada pembiayaan pendidikan yang diluluskan Kerajaan.

Seorang pelajar yang hadir menerima WPP, Mohammad Hariz Mohammad Rajimi, 18, dari Pekan, merasa amat gembira dengan waran yang diterimanya.

Beliau yang sedang membuat persediaan sebelum mendaftar ke Uitm Arau pada bulan hadapan melahirkan rasa bersyukur dengan bantuan yang dapat meringkankan beban keluarganya.



# Seminar DSSCM II pupuk kesedaran keselamatan budaya kerja selamat

Menyedari kepentingan keselamatan di tempat kerja, Fakulti Teknologi Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Pusat Pengajian dan Pembelajaran Berterusan (CENFED) dan Persatuan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MySHO) menganjurkan seminar keselamatan *“The 2nd Seminar On Developing and Sustaining Safety Culture In Malaysia (DSSCM II)”*.

Bertemakan *‘Driving Zero Harm through Effective Leadership in Developing Safety Culture for the Survival of Future Generation’* ini memberi penekanan kepada topik yang berkaitan dengan tindakan dan perlakuan manusia di tempat kerja melalui pembudayaan kerja yang selamat.

Majlis penutup seminar disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Dato’ Maznah Mazlan bertempat di Dewan Astaka UMP Gambang pada 24 Mei 2012 yang lalu.

Semasa menyampaikan ucapan, beliau berkata, walaupun Malaysia mempunyai kerangka perundangan mengenai keselamatan pekerjaan yang lengkap seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] yang dipantau oleh Kementerian Sumber Manusia, namun risiko kemalangan dan bahaya di tempat kerja tetap tinggi sekiranya majikan dan para pekerja mempunyai kesedaran yang rendah mengenai perkara ini.

“Dalam hubungan ini, Kementerian melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sentiasa memberi perhatian yang berat dan serius terhadap aspek penguatkuasaan bagi memastikan para majikan dan pekerja mematuhi peruntukan-peruntukan Akta 514 dan semua perundangan subsidiari yang berkaitan,” katanya.

Menurutnya, peranan yang lebih besar perlu dimainkan oleh para majikan sendiri untuk menyediakan iklim tempat kerja yang selamat kepada para pekerja serta janganlah kemahuan terhadap keuntungan yang mudah dan cepat sehingga menggadaikan keselamatan para pekerja di tempat kerja.

Justeru katanya, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja hendaklah menjalankan fungsinya dengan penuh akauntibiliti dan integriti.

Sementara itu, menurut pengerusi program yang juga pensyarah di Fakulti Teknologi, Dr. Norazura Ismail, penganjuran seminar ini dapat membudayakan budaya kerja yang selamat di tempat kerja dengan menerapkan aspek sifar bahaya melalui kepimpinan pembudayaan keselamatan di IPT dan industri untuk kempamaan generasi akan datang.

Seminar ini merupakan satu platform untuk perkongsian kepakaran dan membincangkan hala tuju baharu kepimpinan dan pengurusan OSH di peringkat nasional dan global.

“Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri dalam pelbagai sektor.

“Organisasi bagi setiap industri diwajibkan untuk memberikan komitmen yang tinggi dalam membangunkan dan meneruskan kempamaan persekitaran kerja yang sihat dan selamat dengan menggabungkan tiga atau empat komponen iaitu pekerja, majikan, persekitaran dan perlakuan,” katanya.

Seramai lapan tenaga profesional dan pakar daripada dalam dan luar negara hadir menjayakan program. Antara pembentang kertas kerja adalah Pengarah, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP/DOSH), Profesor Dato’ Dr. Ir. Johari Basri dengan tajuk *“Future Challenges in Developing & Sustaining Safety Culture”*; Timbalan Pengarah (Pusat Kepimpinan Penyelidikan dan Inovasi, AKEPT), Profesor Madya Dr. Mohd. Fadzil Mohd. Idris dengan tajuk *“Effective*

*Leadership in Developing Safety and Health in Higher Education: Transition from Education to the Workplace”* dan Konsultan Golder Associates Inc., Hawaii, USA, Jas Singh dengan tajuk *“Dynamic of Industrial Hygiene Assessment in Oil and Gas Industries”*.

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO/SOCSO), Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed; Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP, Profesor Dr. Zahari Taha; Ketua Kumpulan Teknologi Sisa, Agensi Nuklear Malaysia (MINT), Dr. Mohd Abdul Wahab Yusof; Pengurus Kanan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, INFINEON Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd., Dr. Khatijah Jumangat, Senior SHE Manager dan daripada Global Technology and Innovation Management (GTIM) Sdn. Bhd., Profesor Madya Dr. Ahmad Rahman Songip turut membentangkan kertas kerja masing-masing.

Lebih 300 peserta di kalangan pekerja industri, pembinaan, perniagaan, perhotelan dan staf akademik hadir dalam mengikuti seminar dan melawat pameran daripada lebih 12 agensi kerajaan dan swasta.





## TNC (A&A) terima tauliah Penolong Pesuruhjaya Kehormat JPAM

Oleh: KAPTEN BERSEKUTU (PA) MOHD AKRAM ABDUL RAZAK

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz menerima pentauliah sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) berkuat kuasa 3 Julai 2012 yang lalu.

Majlis disempurnakan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop dalam Majlis Perhimpunan Kebangsaan Kor Sista kali ke-3 yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 18 Julai 2012 yang lalu.

Turut sama menerima pentauliah ialah Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple yang ditauliahkan pangkat Letenan Kolonel Bersekutu, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ir. Zulkeflee Khalidin dengan pangkat Mejar Bersekutu dan Ketua Audit, Mohd. Akram Abdul Razak dengan pangkat Kapten Bersekutu.

Menurut Profesor Ir. Dr. Badhrulhisham, penubuhan kursus badan beruniform di universiti sebagai kursus kurikulum bertujuan untuk memperkasakan kemahiran insaniah di kalangan pelajar termasuklah mengamalkan semangat kerja berpasukan, memupuk nilai jati diri dan cintakan kepada tanah air.

“Penglibatan pelajar ini dapat memberi nilai tambah di samping memberi penekanan kepada pencapaian akademik yang cemerlang,” katanya selepas majlis kepada seramai 15 orang di kalangan Pegawai Kadet Kor SISPA UMP yang hadir dalam majlis bersejarah ini.

Beliau turut memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada mahasiswa dan mahasiswi UMP untuk terus berbakti berteraskan semangat kesukarelaan dan sekaligus menaikkan lagi nama UMP menerusi Kor SISPA UMP.

Majlis turut menyaksikan pentauliah seramai 75 orang Pegawai Kehormat dan Bersekutu JPAM di kalangan pegawai IPTA dan IPTS termasuk pentauliah watakah pelantikan 186 orang Pegawai Letenan Muda Kor (SISPA). Hadir sama dalam majlis ialah Ketua Pengarah JPAM, Y.A.S Pj. (PA) Dato’ Sulaiman Haji Keling.

Sehingga kini, UMP mempunyai seramai 55 orang anggota Pegawai Kadet Kor SISPA UMP yang didedahkan dengan pelajaran Pertahanan Awam merangkumi semua silibus Pertahanan Awam.

Pelajar akan mendapat Sijil Latihan Kemahiran, Penyelamat, Medik dan Melawan Kebakaran apabila tamat latihan nanti.

# 40 peserta Ekspedisi UMP dekati masyarakat Sabah



Seramai 40 orang di kalangan staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan peserta Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu berpeluang mendekati masyarakat Kampung Lembah Permai Kudasang di Ranau Sabah dalam program Jalinan Mesra Muhibbah yang diadakan bersama masyarakat kampung pada 19 Jun 2012 yang lalu.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrrie Zainuddin berkata, program ini adalah antara pengisian sempena program Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu dalam memberi peluang kepada peserta mendekati masyarakat berbilang kaum.

“Pelajar dapat memahami Integrasi Nasional menerusi proses pelbagai hala di kalangan masyarakat selain berpeluang mempelajari budaya, adat resam dan pantang larang di kalangan masyarakat Malaysia berbagai bangsa dan keturunan,” katanya semasa majlis penyerahan anak angkat bersama 12 keluarga angkat di kalangan suku kaum Dusun di sini.

Pelajar juga berperanan sebagai duta UMP untuk menyebarkan maklumat tentang program pengajian dan mempromosikan nama universiti.

Selain tinggal dengan keluarga angkat, peserta turut menjalankan aktiviti gotong-royong termasuk mengecat bangunan, membersihkan persekitaran kampung dan mengadakan kem motivasi kepada pelajar di sini.

Sementara itu, Ketua Kampung Lembah

Permai, Mahatin Sairin berkata, kehadiran pelajar UMP mampu merubah persepsi anak muda di kampung ini dengan memberi motivasi tentang pentingnya pendidikan tinggi.

“Kami penduduk kampung rasa amat berbesar hati dengan kunjungan yang amat bermakna ini apatah lagi program diadakan buat julung kalinya melibatkan pelajar UMP.

“Malah, pihak kami juga turut menjayakan persembahan Malam Mesra Budaya dengan menampilkan pelbagai tarian dan persembahan bagi perkongsian budaya,” katanya.

Selain itu, memandangkan penduduk di sini menjalankan aktiviti bertanam dan berkebun, kebanyakan keluarga angkat turut membawa anak angkat masing-masing untuk menyaksikan sendiri dan mencuba aktiviti menanam sayur-sayuran.

Pelajar UMP, Keshram Raj yang menjadi anak angkat kepada pemilik kebun, Hain Jasli tidak melepaskan peluang merasai sendiri pengalaman berkebun di tanah milik keluarga angkatnya seluas lima ekar yang ditanam dengan pelbagai jenis sayuran.

Program jalinan muhibbah ini turut mendapat kerjasama penuh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sabah dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Turut sama hadir, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim dan Bendahari, Zainuddin Othman.

Peserta ekspedisi kemudiannya bergerak ke Taman Negara Kinabalu bagi meneruskan misi yang diketuai Naib Canselor UMP,

Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim untuk mencipta sejarah dengan mengibarkan bendera UMP di Puncak Gunung Kinabalu bersempena sambutan ulang tahun ke-10 UMP pada tahun ini.



# Karnival Kerjaya dan Keusahawanan tawar 300 peluang pekerjaan



Karnival Kerjaya dan Keusahawanan (kakkUMP) anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) Universiti Malaysia Pahang (UMP) mendapat sambutan yang menggalakkan apabila hampir 1000 pengunjung di kalangan penuntut pengajian tinggi mahupun bergelar graduan dari sekitar Kuantan memenuhi Dewan Astaka pada 11 Mei 2012 yang lalu.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmei Bin Mohd Taib. Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hasan.

Dalam ucapannya, Dato' Helmi berkata, penglibatan pelajar dalam program seumpama ini dapat menerapkan beberapa elemen positif yang secara tidak langsung dapat membentuk graduan memenuhi tuntutan pasaran kerja pada masa kini.

"Dengan program ini, graduan akan mendapat pengalaman dan mendapatkan perkerjaan, manakala bakal majikan juga boleh membuat pilihan calon secara terus menerusi bidang-bidang kepakaran yang diperlukan.

"Selain itu juga, pelajar perlu melengkapkan diri dan bersedia menghadapi temu duga terutama dari segi imej dan kebolehan berkomunikasi," katanya.

Beliau menasihatkan pelajar agar berani menyahut cabaran untuk mendapatkan skop kerjaya yang lebih meluas dan yang lebih penting katanya, pelajar perlu sentiasa produktif dan kreatif untuk berada dalam alam pekerjaan.

Menurut Profesor Dr. Yuserrie, program ini diadakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengalaman semasa menghadapi temu duga dan peluang memohon pekerjaan dengan pihak industri.

"Ianya juga dapat memberi input baru berkaitan maklumat industri kepada para peserta yang terlibat dalam membantu

mereka menyediakan persiapan memenuhi kehendak industri," katanya.

Tambahnya lagi, karnival ini disifatkan sebagai medan terbaik bagi pelajar membuktikan mereka bersedia untuk menghadapi arus pekerjaan global dengan menawarkan pekerjaan yang ditawarkan.

Katanya, kecemerlangan sesebuah IPT diukur dari kualiti graduan yang dilahirkan, persaingan untuk mendapatkan tempat pekerjaan pada masa ini amatlah sengit.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari ini menawarkan 300 peluang pekerjaan yang disertai lebih 40 syarikat

yang antaranya ialah The Zenith Hotel, Purnama Bersatu, Malaysian Automotive Institute (MAI), Sony EMCS dan Might Meteor Advanced Manufacturing yang masing-masing tampil dengan maklumat peluang kerjaya yang menanti pelajar yang bakal bergraduat.

Sementara itu, pelajar tahun dua dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Nurul Ashikin Ahmad, 21, berkata program ini wajar diadakan setiap tahun agar pelajar dapat membuat persiapan secukupnya sebelum memulakan langkah di pasaran kerja.





## 35 sukarelawan FKKSA timba pengalaman jayakan persidangan gas sedunia 2012

Oleh: MD. NOOR ARIFIN

Seramai 35 pelajar tahun akhir Program Teknologi Gas daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dirai bagi menghargai sumbangan mereka dalam menjayakan Persidangan Gas Sedunia (WGC) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Center pada 21 Jun 2012 yang lalu.

Menurut penyelaras program, Md. Noor Arifin, penglibatan pelajar melalui WGC ini bukan sahaja sebagai platform untuk meluaskan jaringan industri dan kenalan, malah dapat membentuk pelajar yang lebih berketerampilan bagi merealisasikan bidang keberhasilan utama universiti (UKRA).

"FKKSA mengambil langkah proaktif dengan menjadi sebahagian daripada petugas persidangan yang melibatkan pensyarah dan pelajar dalam memastikan segala aktiviti dan program yang dirancang berjalan lancar," katanya dalam Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sijil Sukarelawan WGC 2012 di Dewan Tun Fatimah Kompleks Pentadbiran Utama di Gambang.

Beliau berkata, persidangan bertaraf dunia ini juga dapat memperkenalkan UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang melahirkan graduan dalam bidang Kejuruteraan Gas.

Ketua Pengurusan Projek Jawatankuasa Pelaksana Peringkat kebangsaan, Ali Aswady berkata, pelajar UMP telah memberikan komitmen terbaik dan beliau sangat berbangga dengan kerjasama ini.

"Penglibatan pelajar ini dapat memberi peluang kepada mereka mendalami perkembangan teknologi dalam industri ini.

"Malah, mereka dapat menyaksikan sendiri suasana kompetitif syarikat-syarikat berkaitan minyak dan gas yang beroperasi di Malaysia seperti syarikat PETRONAS dan SHELL," katanya.

Malaysia telah dipilih menjadi penganjur pada tahun ini selepas penganjuran di Qatar tiga tahun lalu. Persidangan berikutnya bakal menyaksikan Paris menggalas tanggungjawab sebagai tuan rumah pada tahun 2015.

Dalam majlis itu, beliau turut

menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati termasuk *pendrive* dan baucer AEON bernilai tiga ratus ringgit kepada sukarelawan UMP.

Hadir sama dalam majlis Dekan FKKSA, Profesor Dr. Jailani Salihon dan Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob.

Persidangan terbesar dan terpenting dalam industri minyak dan gas dunia ini juga mencatatkan kehadiran delegasi paling ramai dalam sejarah WGC apabila disertai lebih 5,000 penyertaan di kalangan pemain-pemain utama dalam industri ini







## UMP kibar Jalur Gemilang semarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-55

Bagi menyemarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-55 pada tahun ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mengagihkannya sebanyak 500 Jalur Gemilang di setiap jabatan dan fakulti di kedua-dua kampus Gambang dan Pekan sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Penyerahan Jalur Gemilang yang diadakan di Dewan Tun Fatimah Kompleks Pentadbiran Utama pada 8 Ogos 2012 yang lalu.

Selain menjayakan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang di pejabat dan persekitaran kampus, UMP turut memperkenalkan beberapa program yang mengajak warga universiti menghayati semangat kemerdekaan dengan penganjuran Pertandingan Menghias Ruang Pejabat dengan Jalur Gemilang, Forum Kemerdekaan, Pertandingan Pantun Kenegaraan, Bicara Merdeka, majlis solat hajat dan khidmat komuniti.

Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim berkata, penganjuran majlis sambutan ini memberi peluang kepada warga universiti untuk mensyukuri nikmat keamanan, kemakmuran dan

kesejahteraan apatah lagi pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

"Aktiviti ini merupakan cara paling mudah untuk meluahkan semangat sayangkan negara dan sebagai rakyat Malaysia kita patut bersyukur berada di negara yang bebas kemiskinan dan tidak berdepan dengan peperangan," katanya.

Katanya, program Bual Bicara juga turut diadakan pada 7 September yang menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertindak sebagai moderator manakala ahli panel terdiri daripada bekas Penglima Medan Tentera Darat Malaysia, Leftenan Jeneral (B) Dato' Seri Zaini Mohamad Said dan bekas Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Shamsuri Arshad.

Sebagai penutup bulan sambutan kemerdekaan ini, telah diadakan Festival Layang-layang anjuran UMP dengan kerjasama Persatuan Pelayang Pahang dan Exco Pelancongan, Kesenian dan warisan Negeri Pahang. Antara pengisian termasuklah bengkel penyediaan layang-layang, pameran dan pertandingan menaikkan layang-layang yang diadakan di UMP kampus Pekan.





**Bercerita.....** KDYTM Tengku Mahkota Pahang sempat meluangkan masa bercerita kepada pelajar-pelajar sekolah sempena perasmian Prohgram Empower ECER Mahkota Kuala Pahang.



**Ramah.....** Naib Canselor berbual bersama peserta Seminar Kecemerlangan Peperiksaan UPSR, PMR dan SPM yang diadakan di UMP.



**Baharu.....** Naib Canselor bertemu dengan pelajar-pelajar yang baharu mendaftar untuk program diploma di UMP.



**Lasak.....** antara peserta yang mengambil bahagian dalam Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012 anjuran UMP dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.



**Alumni.....** sebahagian Alumni UMP yang turut serta dalam Ekspedisi Kinabalu 2012 sempena sambutan 10 tahun UMP.



**Create ....** Tun Mahathir sempat membaca Create Edisi Khas sempena Majlis Konvokesyen Khas UMP.



**Pendekar MU star.....** pasukan dan penyokong UMP yang turut serta dalam cabaran Perodua Eco-Challenge yang diadakan di Litar Antarabangsa Ayer Keroh, Melaka



**Berbuka puasa.....**sebahagian penduduk Kuala Pahang yang hadir pada Majlis Berbuka Puasa anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan.

# Klik-Klik Lensa



“Program ini dapat memupuk semangat kejiwaan, beramah mesra dan mengeratkan lagi jalinan ikatan yang sedia ada melalui penganjuran program secara bersama,” katanya semasa berucap dalam majlis berkenaan dan menyampaikan sumbangan kepada asnaf di Kuala Pahang.”

## UMP serah sumbangan buat asnaf Kuala Pahang

Oleh: NOR SABRINA ISMAIL

Lebih 500 di kalangan penduduk Kuala Pahang hadir dalam Majlis Berbuka Puasa anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan bagi mengimarahkan sambutan bulan Ramadan pada tahun ini.

Kemeriahan dapat dirasakan apabila staf dan pelajar UMP kampus Pekan bergotong-royong menyediakan juadah berbuka puasa yang diadakan di Perkarangan Masjid Jamek Kuala Pahang, Pekan pada 7 Ogos 2012 yang lalu.

Program yang berlangsung seawal jam 9.00 pagi itu dimulakan dengan aktiviti melapah daging, menyediakan bahan masakan, memasak dan menghidang yang diadakan secara bersama melibatkan masyarakat kampung, staf dan juga pelajar UMP.

Antara juadah yang disediakan termasuklah menu tradisi masyarakat Kuala Pahang sebagai sajian utama seperti Gulai Kawah, Masak Lemak Umbut Nyiur Lada Hitam, Bubur Pulut Hitam, Ikan Tongkol Masak Sambal dan kuih tradisi seperti Akok dan Nekbat.

Menurut Penolong Naib Canselor (Pentadbiran UMP Pekan), Profesor Dr. Haji Zahari Taha, penganjuran

program mendapat sokongan dan kerjasama yang cukup baik daripada masyarakat Kuala Pahang yang majoritinya terdiri daripada golongan nelayan dan penduduk kampung.

“Program ini dapat memupuk semangat kejiwaan, beramah mesra dan mengeratkan lagi jalinan ikatan yang sedia ada melalui penganjuran program secara bersama,” katanya semasa berucap dalam majlis berkenaan dan menyampaikan sumbangan kepada asnaf di Kuala Pahang.

Dalam majlis itu, seramai 81 orang asnaf dipilih daripada golongan warga emas menerima sumbangan berupa hamper barangan keperluan seperti beras, minyak masak, susu dan gula hasil sumbangan kutipan derma staf UMP Pekan dan orang perseorangan.

Hadir sama, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ir. Zulkeflee Khalidin, Penghulu Mukim Kuala Pahang, Hassan Shukor, Ketua Polis Pekan, Superintendan Yahaya Othman, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan Pekan, Jali Ismail dan Pengurus Pos Malaysia Cawangan Pekan, Sapuan Safriahun Rozali.





## Iftar bersama jalin hubungan erat UMP - Media Kuantan

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berpeluang bermesra bersama wartawan, jurugambar dan pengamal media sempena Majlis Berbuka Puasa yang diadakan di Hotel Zenith Kuantan pada 2 Ogos 2012 yang lalu.

Pertemuan ini memberi kesempatan untuk memperkukuh hubungan dan menghargai kerjasama media terutamanya dalam menyebarkan maklumat serta menjayakan program-program anjuran universiti.

Majlis dimulakan dengan Tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Profesor Madya Dr. Hassan Ahmad yang berbicara mengenai keistimewaan bulan Ramadan.

Menurut Dato' Daing Nasir, peranan media penting sebagai pengantara dalam menghubungkan UMP dan masyarakat.

Majlis turut dihadiri barisan pengurusan tertinggi universiti yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim dan Bendahari, Zainuddin Othman.

Majlis menyaksikan hampir 60 tetamu mewakili agensi media sekitar Kuantan hadir memeriahkan sambutan berbuka puasa sempena bulan Ramadan Al-Mubarak ini.

Antara yang hadir mewakili Radio & Television Malaysia (RTM), Utusan Melayu (M) Bhd, New Straits Times, Berita Harian, Metro, Kosmo, The Star, Sin Chew Daily, Sinar Harian, TV3, Nanyang Siang Pau, China Press dan Bernama.



# Jengking juara Shell Eco-Marathon Asia 2012

Oleh: NORUL FADILAH ABDULLAH



Sekumpulan mahasiswa Kelab SAE-UMP Chapter Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mengharumkan nama universiti apabila kereta ciptaan mereka yang bergelar Jengking dinobatkan juara bagi kategori Urban Diesel di Shell Eco-Marathon Asia 2012 yang dijalankan di Litar Antarabangsa Sepang pada 7 Julai 2012 yang lalu.

Jengking merupakan kenderaan hasil ciptaan SAE-UMP Chapter yang menggunakan diesel sebagai sumber tenaga.

Nama Jengking dipilih kerana ianya melambangkan kepantasan dan kegagahan dalam menempuh segala cabaran.

Penasihat pasukan, Profesor Dr. Rosli Abu Bakar berkata, beliau amat bersyukur dengan kemenangan yang tidak diduga namun dinantikan oleh seluruh warga UMP sejak tiga penyertaan dalam pertandingan ini.

"Pada tahun ini, UMP menghantar dua pasukan untuk bertanding iaitu bagi pasukan SAE-UMP Chapter dalam kategori Urban Konsep yang menggunakan diesel sebagai sumber tenaga manakala pasukan UMP-MECHAPRO pula dalam kategori Prototype Gasoline Fuel.

"Kejayaan pasukan SAE-UMP ini membolehkan pasukan membawa pulang wang tunai sebanyak USD2000 dan trofi kemenangan," katanya.

Dalam pertandingan ini, "Jengking" berjaya mencatatkan satu rekod yang amat membanggakan dengan 50.8 km bagi 1 liter minyak diesel yang sekaligus mengalahkan 119 kereta yang bertanding yang terdiri dari negara Asia dan Timur Tengah.

Seramai 1,500 pelajar dari 18 negara menyertai pertandingan ini yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Urban (3 tayar) dan



Prototype (4 tayar).

Menurut Ketua Pasukan SAE-UMP Johli Ibrahim, 23, merasa amat gembira usahanya bersama ahli kumpulan membuahkan hasil apabila bergelar juara.

"Rahsia di sebalik kejayaan ini adalah sokongan padu dari pihak UMP seterusnya sikap kerjasama antara ahli kumpulan.

"Kejayaan ini juga bedasarkan komitmen semua ahli kumpulan yang sanggup menghabiskan masa siang dan malam dalam menyiapkan kereta ini juga.

"Di samping itu, kami juga ingin berterima kasih kepada tenaga pengajar UMP yang banyak memberi idea dan bersama-sama berhempas pulas dalam menyiapkan Jengking sehingga bergelar juara," katanya yang turut menyatakan seramai 23 orang pelajar terlibat iaitu daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan

Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Kejayaan ini pastinya menyuntik semangat untuk terus berusaha bagi pasukan UMP-MECHAPRO yang berada di tempat ke-13 bagi kategori Prototype Gasoline Fuel.

Selain Jengking, turut menang dalam pertandingan adalah NP Distanza-UC dari Ngee Ann Polytechnic Singapore dengan jarak 118.8 km/kWh' dan Cikal Cakrawala, Institut Teknologi Bandung, Indonesia dengan jarak 74.9 km/kWh bagi Battery Electric Prize.

Solar Prize dimenangi UKM1, Universiti Kebangsaan Malaysia; Petrol Fuel Award oleh Cikal Cakrawala, Institut Teknologi Bandung, Indonesia sejauh 196.3 km/l dan Sadewa, Universitas Indonesia, Indonesia - 152.3 km/l serta Alternative Diesel Fuel Award dimenangi ITS Team 2, Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia - 166.9 km/l (FAME).



## 130 peserta hadir Seminar Bijak Mengurus Wang



Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya telah menganjurkan Seminar Bijak Mengurus Wang bertempat di Auditorium Perpustakaan Gambang pada 11 Julai 2012 yang lalu.

Seminar setengah hari itu disampaikan oleh Mohd Nasrul Shah Samsudin dari Jabatan Pendidikan Pelabur, Securities Industry Development Corporation (SIDC).

Program disertai kira-kira 130 peserta yang terdiri daripada staf UMP, Kolej Komuniti, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan beberapa badan berkanun dan sektor kerajaan di sekitar negeri Pahang.

Sepanjang seminar ini, para peserta didedahkan dengan topik-topik seperti mengenal pasti kepentingan mengurus wang, lima cara mengurus wang dengan bijak, mengenal pasti cara-cara melabur dengan bijak, kepentingan melabur dan menentukan sama ada sesuatu skim itu sah atau tidak.

Majoriti peserta berpuas hati dengan maklumat yang disampaikan, bahkan ada yang mencadangkan agar diadakan seminar sehari bagi membolehkan mereka mendalami ilmu pelaburan dan simpanan.

Menurut salah seorang peserta yang hadir, Rahin Hasan dari Jabatan

Pembangunan & Pengurusan Harta, seminar itu secara tidak langsung telah menyedarkannya mengenai pelaburan dalam unit amanah dan mengetahui cara mengurus wang dengan lebih bijak.

"Kini, saya tahu apa yang patut dibelanjakan terlebih dahulu dengan pendapatan yang diperoleh," katanya.

Manakala Rohaida Mohamad Idaris dari Perpustakaan pula berpendapat, selepas mengikuti seminar ini beliau lebih mengetahui cara untuk mengurus wang dengan baik, tahu tentang bagaimana menjana duit dengan melabur.

"Di samping itu, saya turut didedahkan dengan cara terbaik untuk mengurus hutang bagi mengelakkan nama disenarai hitam," katanya.

Wan Nor Hamdy Wan Mohd Nowalid, dari Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti pula memberitahu, melalui seminar ini beliau mengetahui mengenai pelaburan unit amanah dan keduanya kita kena selesaikan hutang-hutang yang penting terlebih dahulu apabila mendapat gaji.

Selain ceramah, turut diadakan pameran dari MAA Takaful Haj dan BSN Prudential. Peluang mengadakan pameran ini membolehkan peserta bertanya lebih lanjut mengenai produk-produk yang ditawarkan.

# 97 pelajar IT terpilih sertai Program Infosys 'Campus Connect'



Seramai 97 pelajar jurusan teknologi maklumat (IT) daripada 12 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan Kolej Poly-Tech Mara berjaya dipilih menyertai Program Infosys 'Campus Connect' anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDEC) dan Infosys Teknologi Limited, India.

Program menyaksikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah pada penganjuran pada kali ini.

Peserta terdiri daripada pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (21), Unversiti Tun Hussin Onn (UTHM) (22), Universiti Utara Malaysia (UUM) (22), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (3), Kolej Poly-Tech Mara (4), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (4), Universiti Malaya (UM) (1), UMP (5), Universiti Malaysia Sabah (UMS) (7), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) (4) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) (4).

Menurut Naib Canselor UNIMAS, Profesor Datuk Dr. Khairuddin A. Hamid, yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Infosys Kebangsaan berkata, program ini adalah inisiatif KPT dan MDec sebagai rakan strategik dalam membangunkan program roll-out untuk menambah baik kualiti dan kuantiti graduan teknologi maklumat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPT).

"Program asas ini direka bentuk oleh Education and Research Department, Infosys, untuk membantu pelajar terutamanya yang berada di tahun akhir dalam bidang teknologi maklumat (IT) untuk membuat persiapan sebelum melangkah ke alam kerjaya sebenar," katanya semasa berucap dalam majlis penyampaian sijil tamat kursus di Hotel Vistana Kuantan pada 12 Ogos 2012 yang lalu.

Bagi Ketua Pegawai Operasi MDEC, Ng Wan Peng berkata, penganjuran program yang diperkenalkan sejak enam tahun lalu bermula di India kini berjaya menghasilkan graduan yang lebih berdaya saing bagi memenuhi kehendak industri IT masa kini.

Katanya, beliau bangga dengan keupayaan yang ditunjukkan peserta yang berjaya menyiapkan segala tugas yang diberi dengan baik selama enam minggu.

Mengimbas mengenai industri ICT pada masa ini, beliau berkata, pembangunan perisian masih kekal di tangga teratas dengan 42 peratus diikuti bank data (*database*) 23 peratus, rangkaian dan teknologi keselamatan (*networking, security and server technology*) dengan kadar 18 peratus.

Peserta terbaik, Eng Wei.Sy, 21 dari UTeM berkata, beliau bangga dapat menyertai program yang membolehkannya meningkatkan kemahiran sungguhpun terpaksa mengorbankan cuti semester kali ini.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain.







# 450 pelajar IPT sertai Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012

Seramai 450 peserta yang mewakili 24 pasukan terdiri daripada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), Kolej Komuniti dan politeknik seluruh negara bakal beraksi bagi menyahut Cabaran Berkayak Sungai Pahang selama lima hari mulai 26 Jun 2012.

Majlis perasmian dan pelepasan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah di Dataran Esplanad Temerloh.

Menurut Dato' Saifuddin Abdullah, pihak kementerian sentiasa menggalakkan pelajar IPT dalam bersukan dan berkukurikulum.

"Ianya telah dibuktikan apabila kini biasiswa dalam bidang sukan diberikan kepada mahasiswa cemerlang kokurikulum.

"Majlis Sukan Negara (MSN) menaja 50 mahasiswa setiap tahun yang cemerlang dalam sukan manakala Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menaja 150 dalam pelbagai kategori bidang teras di IPT seluruh negara.

Program yang julung kali diadakan ini anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi dari segi mental dan fizikal seterusnya mempromosikan keindahan flora dan fauna di negeri Pahang

"Cabaran ini melibatkan 450 orang peserta, 150 orang krew dengan menggunakan

150 buah kayak yang akan melalui jarak sejauh 187 kilometer bermula dari Dataran Temerloh dan berakhir di Dataran Riverfront, Pekan.

"Peserta akan singgah di lima buah kampung di tepian Sungai Pahang yang melibatkan Kampung Kuala Triang Bera, Kampung Pesagi Maran, Kampung Mambang Pekan, Kampung Padang Rumbia dan berakhir di Pekan River Front.

"Dengan lima persinggahan tersebut, peserta dapat mengambil peluang untuk berinteraksi dengan masyarakat setempat di samping mengenali keunikan tradisi tempatan rakyat di Negeri Pahang.

"Secara tidak langsung, interaksi ini dapat memaknakan semangat Gagasan 1 Malaysia yang menekankan aspek penerimaan di kalangan warga Malaysia," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin. Antara IPT yang mengambil bahagian adalah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kolej Politeknik Mara Bangi, Kolej Komuniti Hulu Langat, Kolej Islam Sultan Haji Ahmad Shah (KIPSAS) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan.

Tambahnya lagi, sempena penganjuran cabaran ini juga UMP turut menampilkan sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa UMP yang turut menyempurnakan kewajipan sosial mereka terhadap masyarakat melalui pelaksanaan Projek Kilauan Mutiara untuk

tiga buah sekolah rendah di kawasan persinggahan.

"Antara sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan Kuala Triang, Sekolah Kebangsaan Pesegi dan Sekolah Kebangsaan Padang Rumbia," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Pusat Sukan UMP, Jasni Ladin yang juga Pengarah Program berkata, setiap pasukan terdiri daripada 10 orang peserta.

"Acara ini dilaksanakan secara berpasukan iaitu tiga kayak Double berserta enam orang pendayung yang terdiri dari empat lelaki dan dua perempuan.

"Pihak penganjur telah menyediakan hadiah keseluruhan bernilai hampir RM10,000 pada pertandingan tersebut.

"Juara pertandingan akan membawa pulang RM2,500, Naib Juara RM 1,500 dan pemenang ketiga RM1,000 manakala pemenang keempat hingga ke -10 juga turut menerima sejumlah wang tunai.

"Diharapkan Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012 akan berjalan lancar tanpa sebarang masalah dari aspek cuaca," katanya.

Selain itu juga, para peserta diawasi oleh Jabatan Perhilitan, Polis Marin, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta beberapa agensi lain.

Turut Hadir Pegawai Daerah Temerloh, Yang Hormat Dato' Abdull Munaim Abdul Hamid, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Temerloh, Yang Hormat Dato' Haji Tarif Abdul Rahman dan Setiausaha Bahagian Sukan KPT, Dato' Saharuddin Haji Ismail.



## 66 anggota sertai Kursus Asas Perajurit Muda



Oleh: LT. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN

Dentuman bom, tembakan senjata yang bertubi-tubi yang datangnya dari Pasukan Keselamatan ke arah penempatan khemah musuh telah memecah keheningan pagi di Kampung Satelit, Beserah Kuantan pada awal pagi 19 Julai 2012 yang lalu.

Menurut maklumat perisikan oleh pasukan Tentera Udara di Raja Malaysia (TUDM), sekumpulan lanun mendarat di Beserah dan menjadikan Kampung Satelit sebagai kubu kuat mereka bagi tujuan menawan Negeri Pahang seterusnya mengambil-alih negara Malaysia.

Pasukan keselamatan di bawah Kompeni Bravo, Rejimen 505 Askar Wataniah dikerah untuk menentang saki-baki lanun yang terdapat di Bukit Kampung Satelit dan diarah menyelamatkan kawasan ini dari ditawan lanun.

Serangan ke atas khemah musuh di Bukit Kampung Satelit yang bermula pada jam 8.30 pagi itu menyebabkan peperangan sengit berlaku.

Akhirnya, kemenangan menyebelahi pihak Pasukan Keselamatan setelah berjaya menumpaskan lanun serta menawan semula Bukit Kampung Satelit, Beserah.

Demikianlah senario latihan serangan akhir bagi latihan medan peserta Kursus Asas Perajurit Muda 2012 Askar Wataniah yang disertai oleh seramai 34 orang pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Menurut penasihat Askar Wataniah UMP, Lt. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, Kursus Asas Perajurit Muda 2012 itu disertai seramai 66 orang anggota

daripada Batalion 1, Rejimen 505 Askar Wataniah, Taman Gelora.

Selain pelajar UMP, turut serta dalam kursus berkenaan adalah dari Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) dan Kolej Universiti Shahputra (UCSA).

“Peserta menjalani latihan kawad, latihan jasmani, latihan menembak, latihan hutan, peperangan konvensional (CW), peperangan hutan (CIW), ilmu medan perang (IMP) dan ikhtiar hidup.”

“Kursus ini bertujuan membentuk tahap disiplin yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar UMP, melatih pelajar dari segi kekuatan mental dan jasmani serta menjadikan pelajar lebih yakin dan berkepimpinan,” katanya.

Latihan medan selama empat hari ini ditutup secara rasminya oleh pendukung askar wataniah UMP, iaitu Yang Berbahagia Mejar Dato’ Profesor Dr. Mortaza Mohammed.

Dalam ucapannya, beliau berbangga dengan tahap disiplin dan kepimpinan yang ditunjukkan peserta kursus terutamanya semasa menjalani latihan serangan akhir di khemah musuh.

Beliau kemudiannya menyampaikan hadiah kepada para pemenang iaitu kepada peserta keseluruhan terbaik, akademik terbaik, menembak dan platun terbaik.

Sehingga kini, UMP mempunyai seramai 115 orang anggota wataniah termasuk pelajar dan staf. Pelajar perlu menghadiri beberapa siri kursus yang lain bagi peningkatan kerjaya sebelum mereka ditauliahkan sebagai pegawai di dalam Angkatan Tentera Malaysia.



## 80 staf diberi pendedahan tentang Kempen Kenali Ubat Anda

Oleh: SYARIFUDDIN MOHAMAD

Kempen Kenali Ubat Anda merupakan salah satu program kesedaran kepenggunaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak tahun 2007 hingga sekarang.

Atas keprihatinan dan rasa tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Cawangan Penguatkuasa Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Pahang kepada khidmat masyarakat, satu Ceramah Kesihatan: Kenali Ubat Anda telah diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 6 Jun 2012 yang lalu di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP Kampus Gambang.

Program secara kerjasama antara Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK) dan Pusat Kesihatan Pelajar (PKP) disertai seramai 80 orang staf yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan skim perkhidmatan.

Melalui ceramah yang disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Penguatkuasa Farmasi Pahang, Aryani Ahmad, beliau menyatakan banyak terdapat ubat-ubatan yang berada di pasaran tidak berdaftar dan tidak diluluskan oleh KKM kerana mengandungi kandungan bahan toksik yang tinggi dan boleh mendedahkan pengguna kepada risiko serta memberi kesan sampingan kepada pengguna.

“Untuk memastikan produk ubat berdaftar dan tulen, perhatikan label pembungkusan pada kotak atau pembalut ubat dan pastikan ia mempunyai maklumat

lengkap seperti nama pengeluar, pengilang, tarikh pembungkusan, tarikh luput, dan paling utama nombor pendaftaran serta hologram meditag KKM.

“Namun pengguna juga dinasihatkan supaya berwaspada dengan produk ubat-ubatan palsu. Melalui pengalaman bahagian Penguatkuasa Farmasi, jenis ubat palsu yang popular ialah ubat perangsang seks, ubat menguruskan badan, ubat sakit sendi, ubat mengurangkan lemak, ubat untuk mengawal alahan, gatal-gatal dan ubat selesema serta batuk,” katanya.

Tambah beliau lagi, ubat palsu atau tiruan dapat menipu pengguna terutamanya jika dibeli di tempat atau dari sumber yang tidak betul seperti di kedai runcit, di pasar malam dan di tempat-tempat awam.

“Jika terjumpa, terbeli, termakan ubat palsu atau tiruan, segera dapatkan pemeriksaan doktor bagi memastikan tiada kesan sampingan dan laporkannya kepada pihak berkuasa,” jelasnya.

Penceramah turut menekankan aspek 5B dalam pengambilan ubat-ubatan bagi membantu pengguna lebih selamat. 5B yang dimaksudkan ialah Betul ubatnya, Betul empunya, Betul dos (sukatan),

Menurut Aryani lagi, penggunaan ubat secara tidak berkualiti di kalangan pengguna berlaku akibat kekurangan maklumat, pengetahuan, pendidikan dan komunikasi berkaitan ubat yang diambil dan cara

penggunaannya yang tidak betul.

“Masih terdapat pengguna yang kurang mengambil berat atau malu untuk mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber yang profesional dan adakalanya bergantung semata-mata kepada iklan yang disiarkan.

“Malah, orang ramai juga masih kurang kesedaran terhadap kawalan penjualan dan penggunaan ubat-ubatan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada di negara ini,” ujarinya.

Di samping program ceramah, Pihak Cawangan Penguatkuasa Farmasi, Pahang turut membuka kaunter penerangan ubat-ubatan, pameran poster dan edaran risalah di Lobi Dewan Bankuet bersama beberapa orang Pegawai Farmasi memberi informasi berserta contoh-contoh ubat-ubatan yang tidak berdaftar dan merbahaya.

Pihak Pusat Kesihatan Pelajar (PKP) juga membuka kaunter pemeriksaan kesihatan khususnya perkhidmatan pemeriksaan tekanan darah (BP).

Hadir sama Ketua PKP, UMP, Dr. Khairul Salleh Basit. Malah, beliau turut berpuas hati dengan penganjuran ini dan berterima kasih kepada staf yang hadir serta mengharapkan perkongsian maklumat dari wakil Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Cawangan Penguatkuasa Farmasi Pahang sedikit sebanyak membantu staf lebih cakna dan mengutamakan kesihatan.





# 187 calon UPSR Daerah Jempol terima manfaat Projek Kilauan Mutiara

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Seramai 187 orang pelajar tahun 6 dari 18 buah sekolah kebangsaan sekitar daerah Jempol telah menyertai Projek Kilauan Mutiara @ FELDA Wilayah Raja Alias selama tiga hari di Sekolah Kebangsaan Palong 8 (FELDA) yang berakhir pada 8 Julai 2012 yang lalu di Gemas Negeri Sembilan.

Projek sulung Kelab In-Smartive UMP di Negeri Sembilan ini dijayakan oleh 38 orang fasilitator mahasiswa dan diadakan sempena Perkampungan Ko-Kurikulum Menjana Kecemerlangan Akademik 2012 anjuran Unit Ko-Kurikulum, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Jempol & Jelebu dengan sokongan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

Sesuai dengan objektifnya iaitu meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi para peserta yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada bulan September akan datang, pelajar dibimbing dengan pelbagai modul dan aktiviti interaktif seperti Tak Kenal Maka Tak Cinta, Timeline, Bob The Builder, Happy Hour, Muhasabah Diri dan lain-lain lagi dengan mengutamakan pendekatan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelajaran & Pengajian Tinggi Negeri Sembilan, Dato' Shamsulkahar Mohd

Deli memuji inisiatif yang diambil oleh PPD Jempol dan Jelebu serta Kelab In-Smartive UMP dalam merintis kerjasama bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar di kedua-dua daerah ini.

Beliau yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serting turut menambah bahawa hakikat bahawa kebanyakan sekolah di kedua-dua daerah ini termasuk dalam kategori luar bandar memerlukan perhatian bukan sahaja oleh Jabatan Pelajaran Negeri, tetapi juga pihak luar seperti UMP bagi merangsang motivasi pelajar.

Terdahulu dalam majlis yang sama, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrrie Zainuddin menyatakan bahawa inisiatif Projek Kilauan Mutiara merupakan sebahagian daripada komitmen universiti ini bagi memaksanakan strategi Pembangunan Sosioekonomi sebagai Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) Ketiga dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Dalam ruang keupayaannya, UMP sentiasa terbuka dan bersedia untuk melestarikan kerjasama seumpama ini bagi manfaat masyarakat secara keseluruhannya," kata beliau semasa menyampaikan ucapan.

Hadir sama Penolong Pegawai Pelajaran Daerah Jempol & Jelebu, Mohd. Adnan Ismail dan Ketua Penyelidik Kepada Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.

Sementara itu, Pengurus Projek, Mohd Nizam Mohd Azhar melahirkan kesyukuran beliau dan para fasilitator kerana dapat menangani pelbagai cabaran, khususnya dalam aspek pengelolaan bilangan peserta yang ramai.

Beliau yang merupakan mahasiswa tahun 2 di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang turut sama menjawat portfolio Setiausaha Bahagian Penerangan Kelab In-Smartive terharu dengan kepercayaan yang diberikan pihak Kelab In-Smartive dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) dalam menguruskan projek ini.

Perasmian penutup projek disempurnakan pada sebelah malamnya oleh Pegawai Pelajaran Daerah Jempol dan Jelebu, Hajah Rodiah Md Jan.

Para fasilitator In-Smartive turut dirai dalam majlis makan malam Barbeque yang turut dihadiri oleh Ketua Unit Ko-Kurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Abd Hamid Omar.



## Pelajar sekolah berkayuh ke UMP sambut kemerdekaan

Seramai 150 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah Pekan gembira berpeluang membuat kayuhan merdeka sejauh 45 kilometer dari Perpustakaan Awam Pekan menuju ke UMP kampus Pekan semata-mata untuk memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan ke-55 pada 30 Ogos 2012 yang lalu.

Program anjuran Perpustakaan Awam Negeri Pahang dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan di samping sebagai sebahagian daripada program bulan

membaca.

Menurut Ketua Perpustakaan Awam Daerah Pekan, Rohaida Zainuddin, 45 berkata, program ini merupakan rentetan daripada kejayaan pihaknya mendapatkan penyertaan seramai 108 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah yang mendaftar menjadi ahli Perpustakaan Awam di Pekan.

Justeru, sebagai kesinambungan pihak Perpustakaan Awam Daerah Pekan berhasrat untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar ini dengan menganjurkan Kayuhan Merdeka dan Semarak Bulan Membaca.

“Diharapkan program ini akan memberi pengalaman dan jelmaan semangat patriotisme kepada pelajar melalui pengorbanan kayuhan yang pasti menempuh pelbagai cabaran semasa berbasikal,” katanya.

Ketibaan para peserta yang diketuai Cikgu Mohammad Shakri Hamzah disambut oleh Profesor Dato’ Dr. Mortaza bin Mohamad bersama Timbalan Pendaftar, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman.

Dalam majlis yang sama, para peserta juga turut berpeluang berkongsi pengalaman kemerdekaan dalam program Bicara Tokoh yang disampaikan oleh Profesor UMP, Profesor Dato’ Dr. Haji Mortaza Mohamed yang berkongsi pengalaman beliau sebagai anak merdeka yang dilahirkan pada tahun

kemerdekaan iaitu 1957.

Katanya, generasi muda masa kini perlu merasa bangga dilahirkan di negara aman dan damai seperti di negara kita.

Tambahnya, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam menyemarakkan semangat kemerdekaan, mempertahankan kemerdekaan serta mengisinya dengan perkara positif agar kemerdekaan negara terus dipertahankan.

Beliau turut mengimbau kembali sejarah perjuangan tokoh pemimpin terdahulu yang telah bersusah payah memerdekakan negara dari penjajah.

Beliau turut berharap mudah-mudahan dengan adanya program ini akan membuka mata semua pihak terutama generasi muda bahawa mereka perlu menghargai semangat kemerdekaan.



## PELANTIKAN AHLI LPU BAHARU



Yang Hormat Dato' Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib selaku Pengarah Pendidikan dan Latihan FELDA telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP. Pelantikan ini adalah bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 15 Mei 2012 hingga 14 Mei 2015.

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian bidang Sejarah (Perhubungan Antarabangsa), Universiti Malaya (UM). Seterusnya, melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Educational Research & Evaluation, Ohio University, Athens, USA.

Beliau yang pernah berkhidmat dalam perkhidmatan awam, antaranya sebagai Pengarah Pelajaran Negeri Pahang (2004), Pegawai Khas kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein (2007) dan Pegawai Khas kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin (2009 - 2010).



Tuan Haji Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff pula selaku Ketua Pegawai Eksekutif Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM) telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP. Pelantikan ini bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 15 Mei 2012 hingga 14 Mei 2015.

Beliau berkelulusan Sarjana Perakaunan, University of Illinois, Urbana-Champaign, Illinois, USA dan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengalaman dan kepakaran beliau dalam bidang pelaburan dan pasaran saham menjadi tunjang kejayaan dalam kerjaya beliau sehingga kini. Syabas dan tahniah atas pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP yang baharu. Selamat maju jaya dan selamat berkhidmat.

## PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



**Profesor Dr. Jasni Binti Mohamad Zain**  
Dekan  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan  
Perisian  
1 Mei 2012 hingga 30 April 2014



**Profesor Dr. Mashitah Binti Mohd Yusoff**  
Dekan  
Fakulti Sains & Teknologi Industri  
1 Mei 2012 hingga 30 April 2014



**Ir. Ahmad Rasdan Bin Ismail**  
Pegawai  
Pejabat Pengurusan Keselamatan &  
Kesihatan Pekerjaan  
15 Mei 2012 hingga 14 Mei 2014



**Profesor Dr. Abdullah Bin Embong**  
Timbalan Dekan  
Institut Pengajian Siswazah  
16 Julai 2012 hingga 15 Julai 2013



**Dr. Mohd Razali Bin Daud**  
Timbalan Dekan  
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  
1 Jun 2012 hingga 31 Mei 2014

# Kejuruteraan Kimia di dalam Al-Quran

Oleh: AL-MUHANDISAH

Di dalam al-Quran, terkandung ayat-ayat yang mengajar manusia mengenai Sains dan Teknologi seperti kejadian manusia di dalam surah al-Alaq (Kejadian) serta penggunaan besi di dalam surah al-Hadid (Besi). Adalah menjadi kewajipan umat Islam untuk memahami intipati al-Quran yang merupakan kalam si pencipta (Allah) kepada kejadian yang dicipta (manusia) sebagai panduan hidup yang meliputi segala bidang termasuklah bidang Kejuruteraan Kimia.

Sepotong ayat dari ayat 7 dan 8 di dalam surah al-Zalzalah (gempa bumi) yang berbunyi *"..Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan melihat (pahalanya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan melihat balasannya!"* memberikan gambaran kepada manusia bahawa mereka akan menjalani sesi hisab dan jaza` (pembalasan) sebelum dimasukkan sama ada

ke syurga atau neraka di atas kebaikan dan kejahatan yang telah mereka lakukan semasa di dunia walaupun sebesar 'zarah'. Perkataan 'zarah' ini di dalam istilah ilmu kimia merujuk sama ada molekul, atom ataupun ion yang terlalu seni (kecil) yang tidak dapat dilihat dengan pandangan mata dan juga terhad untuk dilihat dengan peralatan saintifik yang canggih serta kompleks seperti *Transmission Electron Microscopy (TEM)* dan *Nuclear Magnetic Resonans (NMR)*. Saiz satu zarah boleh bermula dengan skala pengukuran terkecil picometer ( $10^{-10}$ m). Manusia mempercayai kewujudan akan molekul, atom dan ion yang abstrak (pada saiz picometer) walaupun ianya tidak dapat dilihat, disentuh, dirasa. Bila mana molekul, atom dan ion membentuk atau bergabung menjadi sebatian bahan, barulah sifat-sifatnya dapat dilihat, disentuh dan dirasai. Contoh sifat-sifat tersebut ini adalah

seperti warna, bentuk, fasa, kebolehlarutan, menghakis dan sebagainya.

Konsep ini adalah sama dengan konsep ketuhanan, yang tidak dapat dilihat, didengar, dirasa dan disentuh, tetapi masih ada manusia yang tidak mempercayai kewujudan Allah (tuhan) yang menjadikannya. Bila mana manusia mula mempercayai kewujudan zarah, muncullah bidang-bidang pengajian asas kimia sehinggalah ia berkembang menjadi bidang Kejuruteraan Kimia bagi pembangunan dan perkembangan kehidupan manusia seterusnya. Teori awal kewujudan atom telah dikesan oleh ahli falsafah Greek iaitu Democritus dan seterusnya telah dimodenkan lagi konsepnya dan teorinya oleh John Dalton sekitar tahun 1803.

Di dalam ayat al-zalzalah ini, Allah SWT menerangkan bahawa besarnya impact perkara baik dan buruk yang kita lakukan semasa

dunia yang akan memberi kesan kepada kehidupan manusia dan alamnya walaupun sebesar zarah. Konsep impact yang besar ini walaupun sebesar zarah perlulah diambil perhatian oleh seorang jurutera kimia dalam menjalankan tugas mereka mengawal proses kimia seharian di dalam bidang industri. Sifat-sifat zarah ini perlu difahami serta dihalusi dengan teliti agar tidak memberi kemudaratan serta permasalahan di dalam sesuatu proses kimia yang berskala atau bersaiz besar. Sifat-sifat zarah seperti kebolehlarutan, potensi kimia, corak taburan cas, daya-daya tarikan, daya-daya tolakan, saiz molekul, keelektronegatifan, keelektronegatifan, kebolehan membentuk ikatan kimia seperti ikatan hidrogen pada skala mikroskopik antara yang akan mempengaruhi sifat proses kimia pada skala makroskopik seperti kebolehaliran, ketumpatan, termodinamik, perubahan fasa serta kebolehcampuran.



**Bila mana manusia mula mempercayai kewujudan zarah, muncullah bidang-bidang pengajian asas kimia sehinggalah ia berkembang menjadi bidang Kejuruteraan Kimia bagi pembangunan dan perkembangan kehidupan manusia seterusnya.**



Antara contoh yang ketara kenapa sifat dan kelakuan molekul perlu difahami ialah pembentukan pepejal hidrat semasa proses pengeluaran gas hidrokarbon dari telaga simpanan gas dan minyak. Campuran gas hidrokarbon-air itu mempunyai gas-gas lain juga seperti NO<sub>x</sub>, SO<sub>x</sub> yang menyebabkan molekul-molekul NO<sub>x</sub>, SO<sub>x</sub> lebih tertarik kepada molekul air bagi membentuk ikatan *hydrogen* yang kuat dan banyak. Lama kelamaan apabila kepekatan (bilangan molekul) campuran air, NO<sub>x</sub>, SO<sub>x</sub> makin bertambah, titik supersaturasi akan dicapai untuk memacu perubahan fasa gas kepada pepejal yang bersaiz nano. Pepejal bersaiz nanometer (x10<sup>-9</sup>m) ini kemudiannya akan semakin membesar lalu membentuk kerak pada dinding pada aliran paip. Kerak ini akan lebih membesar seperti mana yang berlaku pada paip sinki didapur kita yang akan menyebabkan aliran bendalir tersumbat. Seterusnya akan

menyebabkan operasi pengeluaran tergendala serta menyebabkan kerugian kos berjuta-juta ringgit.


Di negara-negara maju seperti Amerika, Britain dan Jerman, para saintis dan jurutera daripada syarikat terkemuka seperti Shell, BASF, Glaxo Smith Klime, dan Pfizer telah lama mengkaji dan memahami sifat asal zarah dalam peringkat pembangunan proses dan produk industri-industri kimia mereka agar dapat dikawal dengan baik bermula daripada peringkat molekul.

Kesimpulannya, Jurutera Kimia perlulah mula melakukan anjakan ilmu untuk memahami proses-proses yang mereka kendalikan bermula dari peringkat molekul yang sejajar dengan saranan al-Quran kepada manusia. Jurutera Kimia juga haruslah berpegang teguh dalam mengamalkan etika-etika profesion kejuruteraan yang betul kerana setiap tindakan yang dilakukan akan memberikan impak yang besar kepada manusia dan alam sekeliling kita.

---

**Jurutera Kimia  
perlulah mula  
melakukan anjakan  
ilmu untuk memahami  
proses-proses yang  
mereka kendalikan  
bermula dari peringkat  
molekul yang sejajar  
dengan saranan  
al-Quran kepada  
manusia.**

---



# Teknologi Taman di atas bumbung serlah bangunan mesra alam

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Kepanasan pada bangunan boleh mengundang ketidak selesaan kepada penghuni bangunan. Pelbagai pendekatan boleh diambil kira untuk menyelesaikan permasalahan ini termasuk mengadakan sistem pengudaraan bantuan mekanikal tetapi sejauhmanakah ianya dapat dimanfaatkan kepada penghuni. Seni bina hijau melalui aplikasi seni bina landskap mungkin boleh membantu mengurangkan kepanasan dalam bangunan. Seni bina hijau atau reka bentuk hijau merupakan pendekatan bangunan menerusi meminimalkan signifikasi yang boleh memudaratkan kepada kehidupan manusia.

Seni taman boleh digarapkan pada bahagian bumbung bangunan. Bumbung merupakan satu binaan yang unik bagi menutupi bangunan dan mengalirkan air hujan. Selain mengalirkan air hujan, bumbung boleh direka bentuk dengan mengaplikasikan taman di atas bumbung. Taman boleh diumpamakan satu seni. Umumnya, taman diadakan di atas tanah. Apabila manusia mula menghuni bangunan tinggi, kesan pokok secara terus tidak dapat dirasai lagi dan adalah perlu untuk membawa tumbuh-tumbuhan naik ke atas bangunan.

Taman di atas bumbung mungkin sesuatu yang baharu di negara kita tetapi pendekatan ini telahpun diaplikasikan di negara luar. Kepesatan pembinaan bangunan di bandar-bandar besar menjadikan bangunan lebih memerlukan ruang untuk dimanfaatkan. Taman di atas bumbung memberikan kelebihan kepada penjimatan ruang dan memanfaatkan ruang yang tidak digunakan.

Dengan mengadaptasikan kawasan berbumbung hijau ini, ianya berupaya meningkatkan daya serapan air hujan dan dengan itu dapat mengurangkan berlakunya kepanasan di dalam bangunan. Di samping itu juga, pepohon rendang dijadikan peneduh semula jadi yang berkesan kepada manusia dan aktiviti serta sebahagian daripada bangunan.





#### Aplikasi Taman di Atas Bumbung

- boleh mengindahkan bangunan dan menyerlahkan keunikan reka bentuk bangunan;
  - menyejukkan bangunan dan mengurangkan kepanasan bangunan;
  - memberikan bangunan dikategorikan mesra alam;
  - memanfaatkan ruang yang terdedah kepada kepanasan matahari;
  - menggunakan ruang yang sering dibiarkan kosong dan tidak bermanfaat;
  - memberikan ketenangan kepada penghuni bangunan;
  - menyegarkan pandangan kepada bangunan;
  - sebagai menetengahkan teknik tanaman hidroponik yang tidak memerlukan ruang yang luas;
  - ruang rehat kepada penghuni;
  - menghilangkan stres kepada penghuni bangunan;
  - sebagai terapi kepada kesihatan;
  - agen mengurangkan pencemaran udara; dan
  - menetengahkan tanaman herba wangi kepada penghuni.
- Strategi Merialisasikan Taman Di Atas Bumbung
- mengutarakan konsep reka bentuk kepada pereka-pereka lanskap dan mengadakan konsultasi dengan jurutera-jurutera struktur dan pereka-pereka landskap.
  - mengadakan perundingan bersama pakar tanaman yang sesuai
  - kos yang terlibat dalam menyediakan taman di atas bumbung meliputi kos konsultasi, kos pembinaan, kos penyediaan tanaman, kos penyelenggaraan serta kos pengangkutan.

#### Ruang yang Dicadangkan

- Ruang bersantai
- Ruang laluan
- Ruang bacaan
- ruang perbincangan
- kawasan tanaman herba
- kawasan berbatu kecil
- kawasan refleksologi
- kawasan tumbuhan air
- kawasan hidupan air
- kawasan tumbuhan wangi
- kawasan tumbuhan herba

#### Aplikasi kepada Ruang Bangunan

- Taman di atas bumbung sesuai diaplikasikan di ruang bumbung pejabat, perpustakaan, hospital, ruang legar di pasar raya, tempat letak kenderaan yang berada di atas bumbung.

#### Penyediaan Teknikal Aplikasi Taman di atas Bumbung

- persediaan media tanaman;
- mengadakan lapisan kelembapan;
- menyediakan papan pengalir air;
- mengadakan fabrik pelindung;
- mengadakan lapisan pengudaraan;
- mengenali arah tiupan angin;
- mengenali arah pencahayaan matahari;
- mengetahui struktur asal binaan bumbung dan lantai untuk menampung beban taman di atas bumbung;
- mengetahui kaedah penyelenggaraan taman dengan berkesan; dan
- sistem pengairan dan pengaliran air ke taman di atas bumbung.

#### Kepakaran Pembinaan dan Perundingan

Bantuan kepakaran perundingan daripada pakar institusi pengajian tinggi (IPT) dan pereka-pereka landskap serta kontraktor landskap berkemahiran tinggi boleh membantu merealisasikan reka bentuk taman tersebut dan menjana teknologi terkini.

Justeru, pendekatan taman di atas bumbung dengan tidak memerlukan ruang luas tetapi cukup untuk menyerlahkan keunikan dan kesegaran pada bangunan. Keindahan taman di atas bumbung boleh juga dijadikan sebagai satu aktiviti yang menyihatkan kepada umum untuk menetengahkan salah satu konsep seni bina di negara kita sebagai satu pendekatan baharu untuk dikenali serata dunia.

Penulis adalah Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam @ Sumber Alam, UMP.




**Title** : *The Microprocessor Fundamentals (Programming & Interfacing Using 8 bit Family)*  
**Author** : Nik Mohd Kamil Nik Yusoff  
**ISBN** : 978-967-0120-45-4  
**Price** : RM60.00  
**Pages** : 194 pages

The aim of this book is to expose the fundamental aspect of microprocessor with emphasize on software and hardware. This book is intended for use in universities or college-level, polytechnic or vocational school. The book covers the internal architecture of the microprocessor, various instruction set, basic hardware design of microprocessor based and some examples of its application in today's system. In general, the book is divided into several modules to ensure readers can fully gain vast knowledge in the microprocessor.

The modules include:

- Introduction to microprocessor technology and its architecture
- Introduction set format- format of assembly language and machine code, addressing mode
- Instruction sets; branch instruction set, shift and rotate, logical instruction sets
- Programming development tools-assembler, compiler, editor, source file, listing file and object code, directive assembler (pseudo-op)
- Programming flow control-branch and jump instruction, conditional branch, CMP instruction sets
- Subroutine and stack-stack application, nested subroutine, delay subroutine
- Hardware architecture-pin specifications, timing diagram for read and write operation, mode operation
- Memory & address decoder-various type of memory, address decoder, I/O devices & simple I/O interfacing
- Parallel I/O using MC6821-Simple I/O interfacing
- Interrupts- Interrupt vectors, maskable and nonmaskable, Reset and other interrupts sources
- Serial I/O-asynchronous interfacing, line driver, simple serial interface



**Title** : *The Microprocessor Fundamentals (Programming & Interfacing Using 16-bit Family)*  
**Author** : Nik Mohd Kamil Nik Yusoff & Hazizulden Abdul Aziz  
**ISBN** : 978-967-0120-46-1  
**Price** : RM78.00  
**Pages** : 276 pages

Initially this text book on the 6800 Microprocessor is written as a pedagogical tool for students taking a fundamental course in microprocessor. However, during the course writing, more and more materials were added to the text. Subsequently, enough material was included for students to use it a complete reference for classroom discussions and project-based laboratory activities. In advertently, with a sufficiently large collection of materials covering theoretical discussions with supporting examples, exercises and reference. This textbook can also be used as a supporting reference for those who want to design and develop a 6800 microprocessor-based system.



Judul Buku : Basa Jepun Mudah 2  
Pengarang : Syahrina Ahmad & Mohd Iszuani Mohd Hassan  
ISBN : 978-967-0120-51-5  
Harga : RM40.00

Buku Bahasa Jepun Mudah 2 (Yasashii Nihongo 2) adalah buku yang menjadi rujukan utama kepada pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengambil Bahasa Jepun peringkat 2. Kandungan buku ini dimulakan dengan pengenalan tulisan katakana sebelum mendedahkan pelajar kepada frasa biasa dalam bahasa pertuturan harian mereka. Buku ini turut dilengkapi dengan ilustrasi yang menarik bagi membantu pelajar untuk lebih memahami bahasa tersebut.



Judul Buku : Spanish for Beginners  
Pengarang : Azlina Mohd Ariffin  
ISBN : 978-967-0120-47-8  
Harga : RM21.00

Kandungan buku *Spanish for Beginners* lebih tertumpu kepada kemahiran asas berbahasa Sepanyol. Buku ini bermula dengan pengenalan tentang asas bahasa Sepanyol dan disokong dengan ilustrasi bagi menggambarkan pertuturan dan perbuatan yang sedang berlaku. Bagi yang ingin mempelajari asas bahasa Sepanyol, buku ini boleh dijadikan sebagai satu sumber rujukan.





UMP is located in the east coast state of Pahang, the biggest state in Peninsular Malaysia with vast areas of rainforest endowed with a wide range of biodiversity and natural resources. The campus is also strategically located in the East Coast Industrial Belt of Peninsular Malaysia which hosts a large number of multinational corporations (MNCs) in the chemical, petrochemical, manufacturing, automotive and biotechnology industries. UMP focuses on two major areas:

- Chemical Engineering and Industrial Biotechnology
- Automotive Engineering and Manufacturing Engineering.

Our university offers a wide range of

practical-based higher education programmes excelling in engineering and technology with an ultimate aim to produce competent engineers for the industries. Our application-oriented curriculum integrates theory and practice in the concept of a teaching factory.

It emphasises on experiential and action learning, tasks, and problem solving that prepares our graduates to easily adapt to the real workplace environment of various industries.

UMP's international and global network is further enhanced through a Memorandum of Understanding (MoU) and Memorandum of Agreement (MoA) between local and overseas universities. In addition, UMP managed to establish higher education affiliation with other countries such as China, Egypt, United Kingdom, Ireland and Indonesia through signing of Memorandum of Understanding.

UMP is continually progressing to foster an international reputation, strengthening its network and internationalization with foreign partner universities. These are all accomplished based on academic cooperation and research collaboration, academic staff and students exchange programmes with foreign partner universities, and finally visiting professors who are instrumental in enriching the university's intellectual and research endeavors.

Our university also focuses on applied research and industrial projects to enrich the teaching and learning processes. It also promotes the commercialization of the research products thus giving our students exposure to the latest research and development activities in the industries. Research conducted by the UMP's academicians on various engineering fields have won many awards at national and international competitions. Thus proves that this technical university is poised to be among the renowned universities within a short span of time.

UMP is set to be one of the renowned higher learning institutions in the education hub of the east coast of peninsular Malaysia.



SETARA Rating 2011 (Tier 5 Excellent)



## Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:  
**UNIT PENERBITAN & GRAFIK**  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2501  
Faks : 09 549 3199  
e-Mel : [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>